

**CETUSAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI  
BAGI MENANGANI EKSTREMISM ISLAM  
DI MALAYSIA**

**MD. SHUKRI SHUIB**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2007**

# **LAPORAN PENYELIDIKAN GERAN FAKULTI**

**CETUSAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI  
BAGI MENANGANI EKSTREMISM ISLAM  
DI MALAYSIA**

**PENKKAJI:**

**MD. SHUKRI SHUIB  
FAKULTI PENGAJIAN ANTARABANGSA  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 SINTOK, KEDAH DARUL AMAN  
2007**

## SINGKATAN

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KMM	Kumpulan Militan Malaysia
OIC	Pertubuhan Persidangan Islam
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
Y.A.B	Yang Amat Berhormat
Y.B	Yang Berhormat
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia
WEF	Forum Ekonomi Dunia

# **LAPORAN KAJIAN ISLAM HADHARI**

## **CETUSAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI BAGI MENANGANI EKSTREMISM ISLAM DI MALAYSIA**

### **Sinopsis (*Abstract*)**

*Kajian ini adalah merupakan satu pengkajian yang dilakukan bagi mengenalpasti bahawa salah satu sebab pendekatan Islam Hadhari dicetuskan adalah bagi menangani fanatik agama dalam persekitaran politik Malaysia. Kajian ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh akademik serta politik bagi mendapatkan kejutuan maklumat di dalam penghujahan untuk membolehkan perbicaraan yang bermaklumat dan tepat. Pendekatan Islam Hadhari cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dilihat sebagai satu pendekatan politik yang mampu membina proses Islamisasi yang lebih mantap di dalam pemerintahan negara. Justeru, hasil kajian memperincikan mengenai perihal pendekatan Islam Hadhari dengan aspek kehidupan realiti politik semasa negara, serta mengenalpasti punca kepada pembinaan wadah Islam Hadhari tersebut.*

## Isi Kandungan (*Table of Contents*)

	Halaman
Pengakuan Tanggungjawab ( <i>Disclaimer</i> )	
Penghargaan ( <i>Acknowledgment</i> )	
Sinopsis ( <i>Abstract</i> )	
Isi Kandungan ( <i>Table of Contents</i> )	
BAB 1 Pengenalan ( <i>Background</i> )	5
BAB 2 Rangka Konseptual dan Ulasan Karya-karya ( <i>Literature Review</i> )	11
BAB 3 Objektif Kajian Metodologi	20
BAB 4 Hasil Kajian dan analisis	22
BAB 5 Kesimpulan	24
Rujukan	
Lampiran soal selidik (jika berkaitan)	

## **PENAKUAN TANGGUNGJAWAB (*DISCLAIMER*)**

Saya, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambarajah, ilustrasi, dan gambar foto yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

*We are responsible for the accuracy of all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustrations and photographs in the article. We bear full responsibility for the checking whether material submitted is subject to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.*

**Ketua Penyelidik:**

---

**(MD.SHUKRI BIN SHUIB)**  
FAKULTI PENGAJIAN ANTARABANGSA

## **Sinopsis (*Abstract*)**

*Kajian ini adalah merupakan satu pengkajian yang dilakukan bagi mengenalpasti bahawa salah satu sebab pendekatan Islam Hadhari dicetuskan adalah bagi menangani fanatik agama dalam persekitaran politik Malaysia. Kajian ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh akademik serta politik bagi mendapatkan kejituan maklumat di dalam penghujahan untuk membolehkan perbicaraan yang bermaklumat dan tepat. Pendekatan Islam Hadhari cetusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dilihat sebagai satu pendekatan politik yang mampu membina proses Islamisasi yang lebih mantap di dalam pemerintahan negara. Justeru, hasil kajian memperincikan mengenai perihal pendekatan Islam Hadhari dengan aspek kehidupan realiti politik semasa negara, serta mengenalpasti punca kepada pembinaan wadah Islam Hadhari tersebut.*

## Isi Kandungan (*Table of Contents*)

Halaman

Pengakuan Tanggungjawab (*Disclaimer*)

Penghargaan (*Acknowledgment*)

Sinopsis (*Abstract*)

Isi Kandungan (*Table of Contents*)

BAB 1	Pengenalan ( <i>Background</i> )	2
1.0	Latarbelakang Kajian	2
1.1	Penyataan Masalah	7
1.2	Objektif Kajian	10
1.3	Kepentingan Kajian	10
1.4	Rangka Penulisan	11
Bab 2	Rangka Konseptual Dan Ulasan Karya-Karya	
2.1	Pengenalan Bab	13
2.2	Kerangka Konseptual	13
	2.1.1 Islam Hadhari	13
	2.1.2 Ekstremism	16
2.3	Ulasan Karya	19
Bab 3	Metodologi Kajian	
3.1	Pengenalan Bab	28
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Pengumpulan Data	30
3.4	Skop Kajian	32



Bab 4	Hasil Kajian dan analisis	
4.0	Pengenalan	34
4.1	Islamisasi di Malaysia	36
4.1.1	Wujud Persaingan Menginjuksi Islamisasi Dalam Proses Politik Malaysia	36
4.1.2	UMNO Berperanan Dalam Proses Islamisasi Negara	
4.1.3	UMNO Berperanan Dalam Proses Islamisasi Negara	37
4.2	Islam Hadhari Memperbaiki Imej Islam Yang Dilabel Secara Negatif Oleh Barat	40
4.2.1	Islam Hadhari Adalah Pendekatan Pro Aktif Malaysia Menolak Tanggapan Negatif Barat Terhadap Islam	40
4.2.2	Islam Hadhari Adalah Pendekatan Ke Arah Kemajuan	42
4.3	Pertembungan Umno-Pas Mencetuskan Pendekatan Islamisasi Politik	
4.3.1	Gagasan Islam Hadhari mampu menyaingi PAS dalam politik politik Islam di Malaysia	47
4.3.2	Pencetusan Pendekatan Islam Hadhari Secara Jelas dilihat Sebagai Satu Usaha Bagi Memastikan Pertembungan Intra-Politik Tempatan Terkawal.	47
4.3.3	Keperibadian dan latarbelakang Datuk Seri Abdullah memberi impak dan pengaruh dalam politik Islam di Malaysia	55
4.4	Ekstremism Dalam Politik Islam	59
4.4.1	Ciri-Ciri Ekstremism Menurut Sarjana Islam	59
4.4.2	Isu-Isu Berkaitan Pemikiran Ekstremism Islam Di Malaysia	61
4.4.3	Pemikiran Ekstreme Membawa Keganasan	69
4.4.4	Tindakan Ekstreme Yang Dilakukan Akibat Pemikiran Politik Ekstreme Di Malaysia	76

4.5	Cara Kerajaan Mengatasi Ektremism	
4.5.1	Menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	83
4.5.2	Menerusi Pendekatan 'Halus' Kerajaan	85
4.6	Islam Hadhari Sebagai Satu Pendekatan Politik Pemerintah Dalam Membendung Fahaman Fanatik	87
4.7	Faktor Kewujudan Fahaman Fanatik Menjadi Pencetus Kepada Pendekatan Islam Hadhari	93
4.8	Hipotesis Kajian	108
	BAB 5 Kesimpulan	109
	Rujukan	120

## SINGKATAN

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KMM	Kumpulan Militan Malaysia
OIC	Pertubuhan Persidangan Islam
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
Y.A.B	Yang Amat Berhormat
Y.B	Yang Berhormat
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia
WEF	Forum Ekonomi Dunia



# **BAB 1**

# **PENGENALAN**

# **BAB 1 PENGENALAN**

## **1.0 LATARBELAKANG KAJIAN**

Islam di Malaysia pada kaca mata umum, diperingkat domestik dan antarabangsa merupakan negara Islam yang moderate. Sejak kemerdekaan negara, Malaysia mengalami beberapa insiden yang melibatkan keganasan yang dapat dikaitkan dengan kegiatan golongan Islam yang fanatik atau ekstreme. Berlakunya insiden-insiden tersebut telah sedikit sebanyak menjejaskan imej Islam di Malaysia di persada antarabangsa. Kejadian-kejadian keganasan yang berkaitan dengan fahaman ekstreme dan radikal jelas dilihat berlaku dan menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara. Insiden-insiden itu ialah di antaranya berlaku pada Oktober 1980, iaitu membabitkan serangan golongan fanatik ke atas Balai Polis di Batu Pahat, Johor; diikuti dengan peristiwa Memali di Kedah pada November 1985, dan yang terkini ialah kejadian rompakan senjata di kem tentera di Grik, Perak pada Julai 2000. Selain itu, kejadian membabitkan kumpulan militan seperti Al-Maunah seta Kumpulan Militan Malaysia (KMM) turut dilihat memberikan konotasi negatif terhadap perspektif keselamatan negara. Kejadian-kejadian agresif tersebut membuatkan Malaysia dan kepimpinan negara sentiasa prihatin dan mengambil tindakan berjaga-jaga dengan pendekatan berhemah di dalam usaha mengatasi fanatik-ism dari terus menular bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Perspektif Barat terhadap dunia Islam semakin pudar dan wujud pula istilah '*militant Islam*' (Kiras, James D, 2005: 486). Istilah ini seolah-olah mengaitkan segala keganasan dan kesalahan yang dilakukan oleh penganut ajaran Islam, maka ia akan dikaitkan secara terus dengan Islam itu sendiri. Ini menjadikan dunia Islam sebagai sasaran dalam '*war against terror*' dalam polisi Washington. Kiras, James D (2005: 488) menyatakan '[t]he use of religion as a reaction to and an explanation for the phenomenon of global terrorism'. Kiras juga menyebutkan kaitan Islam dengan keganasan melalui penglibatan kumpulan atau individu yang mahu mencapai sesuatu, '*...religious fervour is being applied to the achievement of a political purpose: establishing a caliphate or Islamic stat*' (Kiras, James D, 2005: 488). Justeru itu, Malaysia yang merupakan negara Islam yang dihormati di persada antarabangsa sentiasa proaktif bagi meminimumkan kesan keganasan akibat fanatik agama ke atas negara. Datuk Seri Abdullah memperkenalkan gagasan Islam Hadhari sebagai pendekatan bagi menangani masalah fanatik yang dapat menjurus kepada tindakan keganasan.

Gagasan Islam Hadhari sebagai satu dasar negara jelas di gambarkan melalui manifesto Barisan Nasional pada pilihanraya Mac 2004, dimana menerusi moto Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, maka kepimpinan yang diterajui oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi 'mendukung Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan terus membangunkan Islam Hadhari yang progresif dan moden'<sup>i</sup> sebagai asas kepada kepimpinan negara. Ini mungkin hasilan daripada reaksi kepimpinan negara berikutan dengan pelancaran 'Dokumen Negara Islam' oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada 12 November 2003 oleh Dato' Seri Abdul Hadi Awang di Markas Tarbiyah PAS Pusat di

Taman Melewar, Kuala Lumpur. Islam Hadhari juga adalah kesinambungan hasil dari promosi besar-besaran Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu era pemerintahan beliau. Tun Dr. Mahathir memperkenalkan dasar ‘Penerapan Nilai-Nilai Islam’ dan seterusnya membawa Malaysia kearah menjadi negara Islam contoh.

Sebagai respon kepada ketakutan antarabangsa terhadap Islam pasca September 11, Tun Dr. Mahathir dengan berani dan lantang mengistiharkan Malaysia sebagai ‘fundamentalist, Islamic state’ (Fealy, Greg, 2003: 45) pada persidangan tahunan parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN). Ini dibuat bagi menunjukkan kepada golongan pembangkang bahawa Malaysia tegas dengan pendirian bahawa negara dan kerajaan adalah pendokong dan pelaksana Islam dalam pentadbiran sebagai asas bernegara.

Seterusnya Islam Hadhari pula dicetuskan sebagai kesinambungan dari isu fanatik dan keganasan agama bagi menjadi benteng kerajaan dalam mempromosi bahawa kerajaan Malaysia kini sememangnya kerajaan Islam dan tidak seperti yang di ketengahkan oleh pihak-pihak tertentu yang menggunakan Islam sebagai platform politik. Perkembangan ini menurut Datuk Seri Abdullah, adalah berikutan dengan kejayaan Malaysia dengan ‘imej Islam yang progresif’ dan ‘dinamik’, ‘telah menimbulkan kebimbangan kepada kumpulan politik yang selama ini, menganggap Islam sebagai monopoli’ (Utusan Malaysia, 22 Julai 2005 : 11). Sekaligus, pendekatan Islam Hadhari menjadi satu pendekatan yang membuatkan golongan fanatik menjadi hilang pedoman dan sokongan akar umbi. Tewasnya PAS di Terengganu dan kemenangan tipis PAS di Kelantan



menggambarkan bahawa pendekatan Islam Hadhari telah memberikan impak ke atas senario persekitaran politik di Malaysia.

Usaha berterusan Dr. Mahathir telah meletakkan Islam Hadhari di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah di mercu kejayaan. Pembangunan kemakmuran negara telah jelas, maka, kini, usaha memakmurkan kepimpinan negara melalui model Islam Hadhari adalah jelas terpapar pembikinannya melalui bawaan stail dan gaya Perdana Menteri kini. Untuk itu, segenap lapisan masyarakat seharusnya faham bahawa pendekatan dan pembinaan Malaysia sebagai “empayar Islam Hadhari” telah bermula mencerahkan status Islam Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa.

(Md. Shukri Shuib, 2004: 34)

Menurut Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Luar Malaysia, melalui Islam Hadhari dan pendekatannya, ia akan dapat merubah persepsi dunia terhadap Islam yang sering dianggap sebagai ancaman, dalam teori ‘*the clash of civilization*’. Syed Hamid menyatakan:-

Islam Hadhari will enable Islamic and non-Islamic countries to communicate better. It is important to correct the image of Muslims, who are now being linked to murder and acts of terror.

(New Straits Times, 19 Julai 2005: 19)

Kenyataan Menteri Luar Malaysia itu, jelas menggambarkan bahawa pada pasca tragedi September 11, 2001, yang membabitkan ‘serangan pengganas’ ke atas kepentingan Amerika Syarikat, maka dunia Islam juga menghadapi dilemma dan konflik tersendiri. Barat sering mengaitkan ‘agama Islam dan umat Islam dengan keganasan’ (Mohd Mizan, 2005: 56). Islam digambarkan sebagai ganas dan juga seringkali dikaitkan dengan elemen anti-pemodenan dan tidak progresif. Umat Islam sering dilabel sebagai punca segala kekacauan yang berlaku hari ini (Mohd Mizan, 2005: 56). Pernyataan ini jelas tergambar melalui pandangan Barat, umpamanya Michael Cox (2005:153) menulis bahawa ‘the rise

of radical Islam since the late 1970's continued instability...'. Ini sekaligus menjejaskan imej dunia Islam dan Malaysia sebagai negara Islam dan juga negara pengerusi OIC dan NAM perlu menyediakan alternatif pembetulan bagi menaikkan imej Islam di peringkat antarabangsa.

Justeru itu, Islam Hadhari digagaskan bagi memberikan imej yang lebih benar dari imej yang wujud dalam perspektif pemikiran masyarakat bukan Islam di dunia ini. Seterusnya, dengan pendekatan Islam Hadhari ini, maka menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pendekatan tersendiri di dalam mengatasi isu fanatik dan keganasan global yang menjadi isu antarabangsa masa kini. Datuk Syed Hamid Albar berpandangan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah pendekatan yang dapat membetulkan tanggapan salah dunia terhadap Islam (New Straits Times: 19 Julai 2005: 19).

Kajian ini nyata perlu, kerana sejak Islam Hadhari diumumkan sebagai dasar negara, pelbagai pertanyaan mengenainya dikemukakan (Nakhaie Ahmad, 2005: 29). Justeru itu, wujud pelbagai tanda tanya dan persoalan yang berbangkit. Maka, sekaligus ini membawa kepada matlamat dan kesedaran betapa pentingnya kajian awal dasar ini untuk diteliti dan dikaji. Namun, fokus bukan hanya mengkaji Islam Hadhari, tetapi punca dan sebab sebenar Islam Hadhari di gagaskan adalah perlu diteliti dan difahami.

## 1.2 PENYATAAN MASALAH

Pembinaan Islam Hadhari sebagai agenda besar negara sudah tentu mempunyai matlamat dan kepentingan tertentu. Ini kerana, dalam mengimplementasi dasar sudah tentu memerlukan sebab dan mengapa dasar itu diwujudkan, maka inilah yang akan menjadi tumpuan kepada pengkajian ini. Ini kerana dalam usaha mengatasi masalah pemikiran umat Islam di Malaysia yang ada sesetengah golongan terpengaruh dengan pandangan dan corak bawaan Islam yang jumud, ekstreme dan melampau serta ganas, maka Islam Hadhari ini membawa satu model baru sebagai agenda Kerajaan Malaysia didalam sekurang-kurangnya meneutralkan masalah walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya. Sikap ekstreme dalam politik Islam di Malaysia jelas dinyatakan bahawa, golongan ini ‘tidak bersikap terbuka’ (Mohamad Nazri Mohd Amin, 2004: 7) dan ini akan membawa kepada kegagalan mengintegrasikan masyarakat dalam agenda nasional negara. Mohamad Nazri (2004:7) menulis,

Dari sudut sosial, semangat seperti ini (ekstreme dan fanatik agama) juga akan mengancam cita-cita negara untuk mencapai integrasi nasional. Pembangunan negara yang berterusan juga bergantung kepada perpaduan rakyat dan kesanggupan mereka (golongan fanatik agama) untuk berfikir dan bertindak sebagai satu warga negara.

(Mohamad Nazri Mohd Amin, 2004: 7)

Fanatik kepada agama jelas membawa kepada aktiviti keganasan (Mohamad Nazri Mohd Amin, 2004: 9). Menurut Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (kini Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi) menyatakan bahawa, antara hambatan atau cabaran yang perlu diatasi oleh

Islam Hadhari bagi menyempurnakan misinya ialah hambatan ekstremisme atau fanatik kejumudan dalam agama. Beliau menulis bahawa:-

## 2. Ekstremisme

Bersifat melampau dan sempit dalam pemikiran sehingga memperlihatkan agama itu berat untuk diimplimentasikan dalam kehidupan. Tidak mahu bertolak ansur dengan pandangan yang mudah dan menyenangkan.

(Zainal Abidin Abdul Kadir, Jun 2005. *Al-Haq*: 9)

Pernyataan Menteri Luar sewaktu persidangan Dewan Rakyat pada 18 Julai 2005, jelas menunjukkan bahawa sebab utama Islam Hadhari digagaskan oleh kepimpinan negara adalah sebagai satu gagasan baru merubah persepsi Islam masa kini. Sebab utama gagasan Islam hadhari adalah wujudnya elemen atau peristiwa ‘keganasan global’ yang digambarkan Barat bahawa ianya dilakukan dan dicetuskan oleh kebangkitan Islam. Sekaligus, Islam Hadhari dengan pendekatan yang menolak elemen fanatik, ekstreme dan ganas adalah digagaskan akibat dari masalah ekstreme-ism atau fanatik-ism yang mencetuskan keganasan.

Justeru, menyedari bahawa fanatik dan ekstremism agama ini akan membawa kepada keganasan dan juga pepecahan serta paling teruk ialah mengakibatkan negara kucar-kacir dan memudahkan musuh luar untuk menguasai negara yang dilanda keganasan tersebut. Bukti yang mudah, seperti yang berlaku di Afghanistan dan Iraq, serta juga penguasaan secara politik tidak langsung ke atas negara-negara lain seperti yang berlaku ke atas negara-negara Asia Tengah, dan di Timur Tengah. Malaysia begitu berjaga-jaga dan berusaha menangani masalah ini, sekaligus, menurut Wan Abdillah Ahmad (2004: 11), konsep Islam Hadhari ini amat sesuai untuk menjelaskan dan memperbetulkan salah

faham umat terhadap Islam. Dato' Seri Abdullah juga jelas mengutuk aktiviti keganasan. Sewaktu berucap di Oxford Centre of Islamic Studies di Oxford University, beliau dengan tegas menyatakan:-

Gambaran Islam sebagai agama yang menyeru kepada peperangan dan umat Islam sebagai penganas fanatik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab adalah cetek dan harus dihentikan<sup>ii</sup>.

Bagi menghentikan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan ketegangan dan sokongan terhadap Islam yang fanatik dan jumud, maka Perdana Menteri menyebutkan pendekatan beliau diperingkat antarabangsa, bahawa Malaysia sememangnya mempunyai cara tersendiri mengendalikan masalah apa yang di sebut oleh Amerika Syarikat sebagai '*war against terror*'. Malaysia mempunyai jalan tersendiri.

Kami di Malaysia percaya bahawa dorongan untuk bertindak kerana agama boleh disalurkan ke arah kebaikan, ke arah kemajuan dan ke arah pembangunan. Kami menggelar pendekatan ini sebagai Islam Hadhari atau pendekatan terhadap sebuah tamadun Islam yang progresif. Pendekatan ini mahu menyedarkan umat Islam bahawa kemajuan dituntut oleh Islam. Pendekatan ini selaras dengan kemodenan, namun berkakar umbi dalam ajaran dan nilai-nilai Islam yang luhur<sup>iii</sup>.

Justeru, secara pembolehubahnya, dengan wujudnya fanatik dan ekstremism agama di Malaysia, maka Islam Hadhari digagaskan bagi sekurang-kurangnya dapat menangani masalah fanatik ini.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian adalah untuk menilai matlamat pelaksanaan Islam hadhari dan hubungannya untuk menangani fanatik agama dalam persekitaran politik Malaysia.

Objektif khusus kajian ialah untuk:

1. Mengkaji sebab Islam Hadhari dicetuskan berpunca dari kewujudan pemikiran esktrime di dalam persekitaran politik Malaysia.
2. Mengkaji pendekatan Islam Hadhari samaada ianya bersifat politik atau sebaliknya.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

1. Islam Hadhari dan konsepnya masih kabur dalam membantu perkembangan peningkatan Islam dalam dunia sejagat, justeru ia wajar dikaji bagi memantapkan kefahaman terhadap dasar ini.
2. Kajian ini dapat digunakan oleh ahli akademik, organisasi kerajaan lain dalam memahami hasrat pemikiran Abdullah Ahmad Badawi.
3. Kajian ini adalah kajian yang dapat membantu dalam proses memahami agenda Kerajaan dalam proses Islamisasi politik dan pentadbiran kerajaan di Malaysia, serta dapat memahami sejauhmana ia berkesan dalam membendung gejala ekstremism Islam di Malaysia.

## **1.5 RANGKA PENULISAN**

Di dalam pengkajian yang dilakukan ini, pengkaji membahagikan kerangka penulisan kajian ini kepada beberapa bab utama. Bab-bab tersebut dibahagikan adalah seperti berikut:-

Bab 1 mengandungi penjelasan mengenai tema kajian, di mana ianya mengandungi latarbelakang kajian, pernyataan masalah, objektif serta juga menyentuh mengenai kepentingan kajian.

Bab 2 adalah merupakan bab yang memperincikan serta menerangkan kerangka konseptual kajian. Ia juga mengandungi perbincangan serta ulasan karya yang memperbincangkan mengenai konsep Islam Hadhari secara umum dan khusus.

Bab 3 merupakan bab yang memperjelaskan dimensi metodologi pengkajian yang digunakan pengkaji bagi memperolehi maklumat serta bahan bagi melengkapkan kajian.

Bab 4 menjadi satu bab yang merangkumi perbincangan mengenai hasil kajian yang telah diperolehi pengkaji.

Bab 5 adalah merupakan bab yang mengandungi rumusan kepada penemuan dan analisis kepada kajian yang telah dijalankan.

**BAB 2**  
**RANGKA**  
**KONSEPTUAL**  
**DAN ULASAN**  
**KARYA**



## **BAB 2**

### **RANGKA KONSEPTUAL DAN ULASAN KARYA**

#### **2.1 PENGENALAN BAB**

Bab ini akan membincangkan mengenai kerangka konseptual yang digunakan bagi penyelidikan ini. Pada bab ini juga, ia akan membincangkan serta mengulas beberapa karya yang memfokus kepada skop pengkajian yang dilakukan ini. Ianya memberikan reka bentuk bagi gambaran awal penyelidikan ini.

#### **2.2 KERANGKA KONSEPTUAL**

##### **2.1.1 ISLAM HADHARI**

Pendekatan Islam Hadhari adalah merupakan gagasan yang dikemukakan oleh Y.A.B Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Islam Hadhari ialah perjuangan Islam yang berlandaskan kepada pendekatan ketamadunan (Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, 2004:5). Dalam pendekatan Islam Hadhari, Hadhari ialah merupakan tamadun. Maka, tamadun yang cuba dibangunkan dalam konteks Malaysia adalah berteraskan kepada Islam sebagai paksi kepada tunjang ketamadunan Malaysia yang cuba di bangunkan.

...[S]uatu proses menjadikan Islam Hadhari sebagai budi dan daya masyarakat Malaysia seluruhnya. Budi merujuk kepada hal-hal moral, intelektual dan sebagainya, sementara daya merujuk kepada hal-hal material, fizikal dan sebagainya.

(Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, 2004:5)

Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia sewaktu menyampaikan ucapan dasar Presiden di Perhimpunan Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) 2004 di PWTC pada 23 September 2004, menyatakan se jelas-jelasnya bahawa;-

'Islam Hadhari' bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas- kepada fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam al-Quran dan Hadith yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam.

Islam Hadhari menurut pengertiannya ialah:-

'Islam Hadhari' adalah gabungan dari dua kalimah Bahasa Arab, iaitu: 'Islam' dan 'Hadhari' (sifat). Asal perkataan 'Hadhari' ialah 'Hadharun' - 'Hadharatun' (Hidup di Bandar) yang membawa maksud membangun, maju ataupun bertamadun - lawan kepada perkataan 'badawah' (kepedalaman atau kemunduran). Bertolak daripada kata dasar tersebut maka perkataan 'hadharah' ataupun sifatnya 'hadhari' bolehlah ditakrifkan sebagai hasil tindakbalas antara manusia dengan alam dan kehidupan sekitarnya melalui usaha yang dilakukan oleh manusia sendiri bagi memperbaiki kedudukan kehidupannya di dunia secara fizikal dan spiritual mengikut keperluan dan peredaran semasa (waqie).

Pengertian hadharah (hadharatun) itu semakin luas skopnya apabila komuniti manusia itu semakin jauh daripada corak hidup kepedalaman, serta apabila mereka mula terbabit dengan gaya hidup masyarakat maju yang progresif dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian zaman dan tempat. Justeru, hadharah ataupun tamadun adalah hasil-hasil usaha yang dilakukan oleh manusia untuk mengeksploitasi unit-unit alam yang berada di sekitarnya. Tujuannya ialah untuk merealisasikan segala keperluan dalam masyarakat manusia serta menyebarkan faktor-faktor kebaikan dan kebahagiaan di kalangan manusia sejagat.

(<http://www.islamhadhari.net/v2/prinsip/maksud.php>,  
capaian pada 10 Jun 2005.)

Menurut Y.A.B Perdana Menteri, beliau telah menggariskan sepuluh prinsip utama Islam Hadhari iaitu:

1. Keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi.
2. Kerajaan adil dan beramanah.
3. Rakyat berjiwa merdeka.

4. Penguasaan ilmu pengetahuan.
5. Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif.
6. Kehidupan berkualiti.
7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.
8. Keutuhan budaya dan moral.
9. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.
10. Kekuatan Pertahanan dan Perpaduan.

(<http://www.islamhadhari.net/v2/prinsip/maksud.php>,  
capaian pada 10 Jun 2005.)

Menurut Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (2004), bekas Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Malaysia, kini Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, menyatakan bahawa Islam Hadhari ialah dari segi istilah, perkataan ‘hadhari’ membawa maksud ‘yang bertamadun’ atau Islam yang menekankan aspek tamadun’. Secara mudah Islam Hadhari ialah ‘suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada keluasan ruang lingkup tamadun Islam, bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual dan material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif, serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai’ (2004: 18).

Islam Hadhari dari perspektif JAKIM pula menjelaskan bahawa secara literalnya, Islam Hadhari adalah, ‘suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada keluasan ruang lingkup tamadun Islam, bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual dan material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif, serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara

bijaksana, rasional, praktikal dan damai (tanpa keganasan)' (JAKIM, dalam Sinar Rohani, pembimbing Ummah, Ogos 2004: 3).

### **2.1.2 EKSTREMISM**

Ekstremism adalah merupakan satu perkataan daripada bahasa Inggeris yang asalnya berbunyi ektreme, dan dalam bahasa Melayu, fanatik juga adalah bersamaan dengan perkataan ektreme yang digunakan masa kini. Namun, di dalam kajian ini, oleh kerana masyarakat politik sudah biasa menggunakan perkataan ektreme berbanding fanatik, maka pengkaji memilih untuk menggunakan perkataan ektreme namun, adakalanya juga merujuk perkataan fanatik bagi di sama gunakan sebagai sama maksud dengan perkataan ektreme.

Ekstremism atau fanatik menurut definisi Al-Yakin terbitan Jabatan Perdana Menteri yang dipetik oleh Mohamad Nazri Mohd Amin (2004) menyatakan bahawa fanatik ialah mempercayai, menyokong atau berpegang kepada sesuatu dengan sekuat-kuatnya dan tidak mahu lagi menilai atau menganalisis kembali kebenaran hal yang dipegang. Mohammad Amin menambah, fanatik ialah sesuatu fahaman atau kepercayaan yang selalunya membawa kepada penyisihan peranan akal yang rasional dan berwibawa.

Kamus Dewan edisi ketiga (1994), pula mendefinisikan fanatik sebagai orang yang keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian yang kebiasaannya berkaitan dengan

agama. Sementara itu, fanatisisme pula ditakrifkan oleh Kamus Dewan (1994) sebagai ‘keyakinan (kepercayaan) yang amat kuat terhadap sesuatu’.

Menurut Tulloch (1993), *extreme* membawa maksud ‘reaching a high or the highest degree’.

Selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak berpandangan bahawa ekstremisme membawa takrifan iaitu ‘sebarang pegangan ideologi yang melampaui batasan-batasan normal dan sederhana, dan menjurus ke arah elemen-elemen yang merbahaya dan memudaratkan’ (Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007).

Datuk Hj Mohd. Nakhaei Hj Ahmad (2004) berpandangan bahawa *extreme* atau fanatik adalah membawa maksud ‘mereka yang terlalu taksib kepada satu-satu pendapat sehingga tidak mahu langsung menerima pendapat orang lain dan seolah-olah tidak ada satu pun pendapat lain yang boleh digunapakai’. Datuk Hj Mohd. Nakhaei Hj Ahmad juga menyatakan bahawa ‘pegangan mereka tidak berdasarkan kepada bukti dan kebenaran, sebaliknya taksib kepada kumpulan dan puak’ (Prof Dr. Yusuf al-Qardhawi dan Prof Dr. Ahmad Kamal Abu al-Magd, 2004 : vii).

Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (Jun 2005. *Al-Haq*: 9) mendefinisikan ekstremisme adalah satu perlakuan yang ‘bersifat melampau dan sempit dalam pemikiran sehingga

memperlihatkan agama itu berat untuk diimplimentasikan dalam kehidupan. Tidak mahu bertolak ansur dengan pandangan yang mudah dan menyenangkan’.

Takrif ekstremism menurut Wikipedia adalah:-

*Extremism is a term used to describe the actions or ideologies of individuals or groups outside the perceived political center of a society; or otherwise claimed to violate common standards of ethics and reciprocity. It is usually considered by those to whom it is applied to be a pejorative term. It is typically used in reference to political and social ideologies seen as irrational, counterproductive, unjustifiable, or otherwise unacceptable to a civil society. The term connotes the illegitimacy of certain ideas or methods.*

*The terms "extremism" or "extremist" are almost always exonymic—i.e. applied by others rather than by a group labeling itself. Rather than labeling themselves "extremist", those labeled as such tend to see the need for militant ideas or actions in a particular situation. For example, there is no political party that calls itself "right-wing extremist" or "left-wing extremist", and there is no sect of any religion that calls itself "Extremism."*

(sumber: <http://en.wikipedia.org/wiki/Extremism>, capaian pada 17 April 2007)

Sementara itu, menurut Wkipedia, ekstremism mampu membentuk radikalism, dan

Wikipedia mendefinisikan radikalism seperti berikut:-

*The term "extremist" is used to describe groups and individuals who have become radicalized, in some way, even though the term radical originally meant to go to the root of a (social) problem. The term "radical" is a somewhat less negatively-connoted label sometimes used by radical individuals or groups to label themselves.*

*The terms "extremist" or "radical" are often used to label those who advocate or use violence against the will of the larger social body, but it is also used by some to describe those who advocate or use violence to enforce the will of the social body, such as a government or majority constituency. Ideology and methodology often become mixed under the single term "extremism".*

(sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/Extremism#Radicals\\_as\\_extremists](http://en.wikipedia.org/wiki/Extremism#Radicals_as_extremists), 17 April 2007).

## 2.3 ULASAN KARYA

Kajian mengenai Islam Hadhari adalah merupakan satu pengkajian awal, dan sehingga kini, masih terlalu kurang pengkajian dan penulisan berbentuk ilmiah dalam pembukuan dan jurnal di pasaran semasa. Namun terdapat juga beberapa penulisan induk dan penting bagi dijadikan panduan kepada kajian Islam Hadhari. Kajian ini yang menekankan bahawa pelaksanaan Islam Hadhari dan hubungannya dalam menangani ekstremism dalam politik Islam di Malaysia banyak menggunakan penulisan-penulisan induk yang diterbitkan oleh pihak kerajaan Malaysia.

Bagi tujuan kajian ini, ucapan Y.A.B Perdana Menteri, yang juga pengasas kepada cetusan idea Islam Hadhari sebagai satu wawasan di Malaysia adalah menjadi satu panduan induk kepada ulasan kajian. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi (2005:1-20), dalam ucapan di Oxford Centre of Islamic Studies di Oxford University yang bertajuk “Islam Hadhari Akan Bangkit” jelas menggambarkan bahawa Islam Hadhari di cetuskan sebagai satu gagasan untuk menguruskan atau mengatasi masalah fanatik-ism atau ekstremism Islam dalam arena politik semasa di Malaysia. Beliau juga menyatakan bahawa elemen beragama, dalam konteks ini, Islam sebagai agama yang menjadi teras bernegara di Malaysia dapat digembleng bagi membentuk satu persekitaran yang kondusif bagi mengelekkkan penganut agama ini dari terceburlah dalam kegiatan yang menyalahi norma keamanan sejagat. Beliau juga menjelaskan bahawa Islam Hadhari yang juga menjurus kepada perkembangan pembangunan, adalah sebenar sebagai sebahagian usaha bagi mengatasi ekstremism.

Apabila kemiskinan dapat diatasi dan keperluan hidup masyarakat Islam di Malaysia dan di peringkat antarabangsa dapat diwujudkan, maka ia sekaligus akan mengurangkan tekanan akibat belenggu kemunduran.

Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam ucapan di Persidangan Agung UMNO kali ke 56 bertajuk “Lonjakan Perkasa Bangsa” pada Khamis, 21 Julai 2005 (Berita Harian, 22 Julai 2005: 14-16) menjurus pemikiran beliau bahawa, Islam Hadhari adalah sebenarnya satu pendekatan kearah pembangunan ketamadunan. Datuk Seri Abdullah menyatakan dengan jelas bahawa ‘Islam Hadhari memberi keutamaan kepada pembangunan membina peradaban’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15). Menurut Perdana Menteri, Islam Hadhari adalah respon kepada keadaan semasa, dimana wujud perbuatan ganas yang timbul atas asas fanatik atau ekstreme. Beliau menyebut bahawa ‘[a]tas nama Islam, mereka (golongan fanatik) sanggup melakukan perbuatan melampau yang ganas’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15). Justeru itu, gagasan Islam Hadhari dicetuskan sebagai memahami bahawa ‘[k]ita (kerajaan) bertanggungjawab memastikan agar budaya ekstremisme dan tindakan ganas menggunakan nama dan lambang Islam sama sekali tidak berlaku di negara ini’, dan ‘kerana itulah kita perkenalkan pendekatan Islam Hadhari’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15).

Mansor Mohd Noor, pensyarah di Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia berpandangan dalam artikelnya bertajuk “Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia” menjelaskan bahawa wujud unsur negatif dalam masyarakat, dimana agama di jadikan modal politik jumud, ‘apabila ekstremisme



dan keganasan dikerohaniakan, agama boleh menjadi kuasa sebagai agen untuk menarak, menunduk, mengugut dan memusnahkan orang lain'. Pendapat beliau jelas mampu menghuraikan kenapa Islam Hadhari dengan pendekatannya diperkenalkan oleh pihak kerajaan.

Mohd Nakhaie Ahmad (2005: 21-52), dalam artikel beliau bertajuk "Misi Islam Hadhari dalam Pembangunan Negara" menyatakan bahawa Islam adalah berkait rapat dengan kehidupan dan pembangunan. Islam Hadhari menurut Nakhaie adalah merupakan satu pendekatan yang digunakan Malaysia sebagai usaha 'memerangi keganasan'. Nakhaie menulis bahawa 'apabila dunia Barat mengambil pendekatan *the Clash of Civilization* dan menjadikan Islam sebagai musuh dengan berlindung di sebalik usaha memerangi keganasan, pendekatan Islam Hadhari, ialah memaparkan wajah Islam yang sebenar sebagai mesej suci untuk membawa rahmat ke seluruh alam' (2005: 41). Islam Hadhari juga digambarkan oleh Nakhaie sebagai alternatif dalam pendekatan Islam dalam politik dan negara.

Mohamad Kamil Haji Ab. Majid (2005: 89-126), dalam penulisan yang berjudul "Memahami Pendekatan Islam Hadhari" menyatakan bahawa, Islam Hadhari adalah satu pendekatan kerajaan di dalam memakmurkan bumi dan juga sekaligus ia menekankan aspek pembangunan manusia dan meterial berdasarkan al-quran dan sunnah serta akhlak dan ilmu yang terbaik. Ini adalah bagi membina ketamadunan unggul bagi negara dan sesebuah bangsa. Islam Hadhari juga menurut Mohamad Kamil dapat membangunkan umat Islam dari kemunduran kepada kejayaan. Mohamad Kamil juga menjelaskan secara tersirat bahawa Islam Hadhari ini dapat membendung ekstremism melalui penulisannya

yang menyatakan bahawa ‘badawah dan hadarah dilalui oleh umat Islam dari Madinah hingga ke Baghdad...tingkah laku badawah agak keras, ganas sedangkan insan hadhari tabiatnya lebih sopan dan ufuk pemikirannya lebih luas’ (2005: 107-108). Beliau juga menyatakan bahawa manusia adalah paksi ketamadunan bersama-sama dengan pembangunan alam, dan inilah pendekatan Islam Hadhari.

Faisal Ismail (2005: 127-138) dalam penulisan yang bertajuk “Islam Hadhari dalam Pembinaan Tamadun Masa Kini”, membuat penganalisaan mengenai Islam Hadhari, iaitu samaada ianya Islam politik (political Islam) atau Islam kultural (Cultural Islam). Secara jelasnya, menurut Faisal, Islam Hadhari ini bukanlah Islam politik semata-mata, namun ianya adalah Islam yang tidak terlalu bergantung kepada politik kepartian di dalam menjayakan hasrat, dan ianya dilihat sebagai satu usaha memanfaatkan sumber yang wujud dari masa kesemasa. Karya ini juga menegaskan bahawa umat Islam dibawah gagasan Islam Hadhari ini perlu mengelakkan diri agar tidak terjebur dalam kancah *the clash of civilization*. Ini menunjukkan bahawa Islam Hadhari adalah pendekatan bagi mengekang ekstremism dan juga mengurus masyarakat agar tidak terjebak dalam kegiatan keganasan.

Farish A. Noor (2005: 151-184) dalam penulisan beliau bertajuk “Apa itu ‘Islam Progresif?’” tidak menyentuh perkataan hadhari tetapi sebaliknya menggunakan istilah progresif sebagai terma utama yang dinyatakan sebagai Islam Progresif atau juga kini gemar disebut sebagai Islam Hadhari. Farish memberikan gambaran ciri-ciri dan label Islam yang digunakan dunia bagi tujuan pengistilahan dan pengasingan sifat dan ciri-ciri pemikiran dan tindakan umat Islam terhadap dunia dan keadaan semasa. Penulisan ini memberikan satu terma pengkisahan senario umat dan negara-negara Islam pada masa

kini dalam menghadapi era kesejagatan global. Penganalisaan Farish memberikan satu watak dan alternatif serta cadangan di dalam memajukan Islam dan umatnya. Ia menjelaskan juga bahawa kepimpinan negara dan rakyat itu sendiri adalah punca yang boleh membawa kepada radikal atau progresifnya Islam itu dikaca mata dunia. Maka ia dapat menjadi panduan kepada elemen variable sesuatu ciri Islam itu dikategorikan.

Faisal Othman (2005: 251-270) dalam tulisan beliau bertajuk “Iktisar Permasalahan Pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia Kini” mencadangkan bahawa Islam Hadhari adalah satu cabang penyelesaian pertikaian mengenai Islam dan politik dalam hubungannya di dalam pentadbiran negara. Islam Hadhari menjadi agenda pemerintah kerajaan Malaysia bagi membangunkan umat dan negara Islam berasaskan kepada Islam sebagai paksi tamadun. Menurut Faisal, Islam Hadhari adalah pelaksanaan Islam dalam aspek pembangunan dan ketamadunan. Ia juga sebagai cara bagi menguruskan pepecahan dan membawa kepada matlamat Islam sebagai asas bernegara dan bertamadun tinggi dalam dunia sejagat. Faisal juga mengetengahkan bahawa pertelingkahan Islam UMNO dan Islam bawaan PAS telah juga mencetuskan idea atau gagasan dasar asas Islam Hadhari oleh kepimpinan negara. Ini kerana melalui ini, maka UMNO tidak lagi akan dianggap ‘kafir’, dan juga dapat menyekat agenda ekstreme ditanam dalam pemikiran umat Islam di Malaysia.

Abdul Rahman Ismail (2003: 1-14), dalam penulisannya bertajuk “Globalisasi: Impak dan Dilema Keselamatan Negara Pasca 2000”, jelas menyatakan bahawa Malaysia menggunakan elemen pembangunan sebagai asas kepada pembendungan pemikiran ekstreme dalam masyarakat Malaysia. Penulisan beliau juga menggambarkan PAS sebagai sebuah entiti politik yang ekstreme dan radikal serta mendokong dan menjadikan

semangat revolusi sebagai sandaran perjuangan, terutamanya bermula pada dekad 1980-an dan pada era akhir 1990-an. Penulis juga memberikan gambaran bahawa terdapat elemen ketokohan dan agama itu sendiri digunakan sebagai platform kepada penerapan semangat ekstreme dan radikal yang melampau dan membahayakan keselamatan negara. Sekaligus penulisan ini menekankan juga perihal pentingnya pengubahsuaian polisi dan dasar negara bagi menguruskan dan mengurangkan tekanan masyarakat agar tidak menjurus kepada keadaan ekstreme dalam persekitaran politik di Malaysia. Abdul Rahman menekankan bahawa jika kerajaan menyediakan pembangunan dan kepimpinan politik yang mantap, maka ia akan dapat digunakan sebagai alternatif kepada pendekatan ekstreme dalam mendapatkan sesuatu.

Mohamad Nazri Mohd Amin (2004: 1-10) dalam penulisannya bertajuk “Fanatik Agama Mengancam Keselamatan Negara”, jelas menegaskan bahawa wujud kumpulan-kumpulan fanatik tertentu di Malaysia yang menggunakan agama, yakni Islam sebagai platform politik bagi mendapatkan kuasa. Justeru itu, wujud beberapa insiden yang negatif dan tidak wajar berlaku dikalangan umat Islam di Malaysia. Wujud sembahyang dua imam, kafir mengkafir, memulau kenduri dan juga wujud kumpulan militan seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia dan Al-Maunah. Mohd Nazri berpandangan bahawa ‘orang-orang atau kumpulan yang fanatik sanggup melakukan apa saja biarpun bertumpah darah bagi mempertahankan kepercayaan mereka’ (2004: 6). ‘Fanatik kepada agama jelas membawa kepada aktiviti keganasan’ (2004: 9), itulah pandangan penulis berhubung fanatik agama dan signifikannya kepada agenda kerajaan di dalam mengatasi fanatik dengan memperkenalkan Islam Hadhari.

Menurut penulisan Mohd Nakhaei Ahmad (2004), dalam buku keluaran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), bertajuk “Masyarakat Islam Hadhari”, beliau menekankan bahawa masyarakat Islam yang hadhari adalah mempunyai keupayaan diri bagi pengembangan ilmu, kekuatan dan dapat bebas dari sebarang cengkaman. Maka ini menjurus kepada proses bina negara yang unggul dan maju. Nakhaei menjelaskan bahawa Islam Hadhari ini mahukan masyarakat yang seimbang dan berfikiran intelek. Justeru, bagi mengekang fanatik-ism, maka Nakhaei menekan bahawa ‘seseorang intelektual Muslim sangat berhati-hati di dalam membuat keputusan untuk menerima dan menolak sesuatu kenyataan dan perkhabaran’ (2004: 99) dan seterusnya ini akan mengurangkan pemikiran fanatik dimana umat Islam akan ‘sentiasa bersikap terbuka, ketika berhadapan dengan kepelbagaian dan perbezaan pendapat’ (2004:100).

Zainal Abidin Abdul Kadir (2004), bekas Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Malaysia, kini Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, menyatakan dalam penulisannya yang bertajuk “Pembudayaan Islam Hadhari di Malaysia : Satu Ulasan”, bahawa Islam Hadhari mahu membawa satu pendekatan di mana masyarakat Islam yang ‘cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai’ (2004: 18) dapat diwujudkan. Justeru itu, Islam Hadhari dilaksanakan bagi membentuk satu daya penolak kepada kewujudan dan dorangan kearah fanatik-ism. Beliau juga menyatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari juga berkait bagi mewujudkan ‘jiwa masyarakat yang bebas akan melahirkan fikiran dan tindakan yang positif dan lebih terbuka’ (2004 : 27). Zainal Abidin (2004 :27-28) juga menyebutkan bahawa wujud

halangan-halangan sebagai cabaran Islam Hadhari, salah satunya ialah sikap ‘kejumudan fikiran’ dan ‘ekstremisme’ atau fanatik dan melampau dalam pemikiran dan tindakan.

# **BAB 3**

# **METODOLOGI**

# **KAJIAN**

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 PENGENALAN BAB**

Bab ini akan memperincikan perbincangan mengenai metodologi yang digunakan pengkaji di dalam menjalankan kajian ini. Ia merangkumi penerangan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan, bentuk kajian serta cara pengumpulan data dilakukan pengkaji.

### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Kajian ini adalah merupakan satu penyelidikan yang memperincikan mengenai pendekatan Islam Hadhari. Namun, pengkaji tidaklah mengkaji mengenai dasar Islam Hadhari itu secara keseluruhannya, serta tidak pula memperincikan kajian yang dilakukan ini samaada Islam Hadhari itu berkesan atau tidak, tetapi ianya hanya merupakan satu kajian yang bersifat mikro di mana pengkajian ini dilakukan adalah bagi mengesan punca yang mendorong kepada cetusan pendekatan Islam Hadhari. Walaupun berkemungkinan terdapat pelbagai sebab yang mampu menjadi punca tercetusnya idea bagi menggagaskan pendekatan Islam Hadhari, tetapi, bagi kajian ini, rekabentuk kajiannya hanya berkisar bagi mencari punca sama ada benar atau tidak bahawa salah satu sebab tercetusnya gagasan dan pendekatan Islam Hadhari ini adalah berakar umbi kepada masalah ekstremism yang berlaku di kalangan segelintir masyarakat Islam di Malaysia. Maka, hasilan dari objektif tersebut, maka rekabentuk kajian ini dijanakan secara kualitatif yang



melibatkan pengumpulan data berbentuk bacaan umum, buku-buku, jurnal dan juga akhbar. Sesi temubual serta mendapatkan jawapan bertulis dari tokoh-tokoh yang terlibat di dalam pencetusan idea atau juga terlibat di dalam memmanifestasikan pendekatan Islam Hadhari ini turut sama dilibatkan.

Kajian ini yang bersifat kualitatif serta merupakan satu kajian yang lebih menjurus kepada analisa kandungan (*content analysis*). Kajian ini juga menggunakan kaedah temubual sebagai satu kaedah utama bagi mendapatkan maklumat. Kelebihan dari kaedah yang digunakan ini, ianya memberikan kelebihan kepada pengkaji untuk bersemuka dan melihat reaksi orang yang ditemubual apabila sesuatu soalan kajian diajukan. Ia juga memberikan ketepatan maklumat bagi membolehkan hasil kajian yang jitu diperolehi. Kajian juga selain itu menggunakan kaedah kajian perpustakaan, di mana karya-karya yang terdapat menerusi buku, jurnal, majalah bersifat akademik serta juga maklumat dari akhbar terutamanya yang berbentuk ucapan, temubual serta ulasan mengenai Islam Hadhari dilihat membantu pengkaji bagi memberikan gambaran dan maklumat berguna bagi tujuan melengkapkan kajian.

### 3.3 PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menumpukan kepada dapatan data berkaitan ekstremism yang dinyatakan sebagai salah satu punca kepada tercetusnya kewujudan pendekatan Islam Hadhari. Ia juga semestinya berkait rapat sebagai satu program atau pendekatan politik pemerintah, yang cuba untuk membasmi pemikiran ekstreme dari menular di kalangan masyarakat, maka pengumpulan fakta mengenai kejadian ekstremism samaada berkaitan dengan politik atau tidak turut dijanakan sewaktu pengkajian bagi memahami apakah ekstremism yang dimaksudkan kerajaan Malaysia sewaktu menggagaskan pendekatan Islam Hadhari ini adalah berkaitan dengan kegiatan parti pembangkang di persekitaran politik Malaysia.

Kajian ini akan lebih berorientasi kepada kajian kualitatif dan berasas induk kepada pemikiran pemerintahan negara (kajian dasar kepimpinan). Dalam hal ini, kajian pemikiran Islam ditekankan. Kajian akan menumpukan kepada perolehan pendapat (temubual), pemerhatian secara langsung (seminar, kolukium dan keterlibatan penyelidik dalam organisasi dan pendampingan), data-data rasmi kerajaan, dan ulasan serta penulisan yang terdapat dalam akhbar, jurnal dan buku terbitan umum dan jabatan kerajaan.

Sumber primier menumpu kepada dapatan temubual. Temubual bagi kajian ini dilakukan meliputi beberapa individu yang dilihat berkaitan dengan usaha bagi mempromosi Islam Hadhari. Hasil temubual adalah meliputi beberapa tokoh pentabiran dan politik tempatan, di antaranya ialah:-

- i. Transkripsi temubual Y.A.B Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Malaysia) yang dikeluarkan secara rasmi oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri pada surat bertarikh 13 Februari 2007 yang ditandatangani oleh Encik Wan Ahmad Shihab Ismail, Pegawai Khas kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- ii. Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman (Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri, serta mantan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri), tarikh temubual 19 Mac 2007, bertempat di Pejabat Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri, Putrajaya.
- iii. Datuk Othman Desa (Setiausaha Politik kepada Y.A.B Perdana Menteri), tarikh temubual 20 Mac 2007, bertempat di Pejabat Setiausaha Politik kepada Y.A.B Perdana Menteri
- iv. Ustaz Haji Hakim Ahmad (Pegawai Khas kepada Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri), tarikh temubual 19 Mac 2007, bertempat di Pejabat Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri, Putrajaya.

- v. Kapten (B) Ustaz Shamsuddin Munir (Pengurus Kanan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia- YADIM), tarikh temubual 19 Mac 2007, bertempat di ibu pejabat YADIM, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

### **3.4 SKOP KAJIAN**

Kajian ini adalah tertumpu kepada pengkajian mengenai cetusan pendekatan Islam Hadhari yang merupakan satu reaksi kepada kewujudan fahaman dan pemikiran bersifat ekstreme atau fanatik di dalam persekitaran politik Islam di Malaysia. Untuk itu, kajian ini hanya memfokus kepada kajian yang mengkaji satu punca tercetusnya Islam Hadhari, iaitu ekstremism agama di kalangan umat Islam di negara ini. Justeru, ia hanya merupakan satu perspektif kajian membincangkan adakah Islam Hadhari ini tercetus disebabkan oleh faktor kewujudan pemikiran ekstreme di Malaysia. Ianya tidak mengkaji sebab-sebab lain kepada kewujudan pendekatan Islam Hadhari ini, dan ianya juga tidak berhasrat mengkaji keberkesanan pendekatan ini. Maka, fokusnya adalah jelas, ianya mengkaji hanya satu punca iaitu ekstremism sebagai penyebab kepada wujudnya pendekatan yang dinamakan Islam Hadhari di persekitaran politik Malaysia era Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

# **BAB 4**

# **HASIL KAJIAN**

# **DAN ANALISA**

## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN DAN ANALISA**

#### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan mengenai pembinaan Islam Hadhari yang dilihat sebagai satu agenda besar negara yang mempunyai matlamat dan kepentingan tertentu disebalik pencetusan idea dan pemikiran tersebut. Namun, di dalam bab ini, hasil kajian dan penganalisaan yang akan dibentangkan adalah meliputi hasil yang menyatakan salah satu punca Islam Hadhari dicituskan adalah disebabkan oleh kewujudan ekstremism di mana pemikirannya mampu membawa ke arah keganasan. Justeru itu, persoalan mengenai adakah Islam Hadhari ini tercetus disebabkan oleh faktor bagi menangani permasalahan ekstremism atau fanatik agama di kalangan masyarakat Islam dipersekitaran politik Malaysia akan terjawab.

Justeru, hasil kajian ini akan memperincikan pendekatan Islam Hadhari tercetus adalah sebagai reaksi kepada ekstreme atau fanatikism yang berlaku di Malaysia. Ini kerana, dalam mengimplementasi dasar sudah tentu memerlukan sebab dan mengapa dasar itu diwujudkan, maka inilah yang akan menjadi tumpuan kepada pengkajian ini.

Bagi memahami kajian ini, maka harus difahami bahawa tujuan kajian ini adalah bukan bagi mengkaji mengenai pendekatan Islam hadhari secara keseluruhannya, ia juga tidak melibatkan kajian ke atas keberkesanan pendekatan tersebut, tetapi kajian ini dan hasil kajiannya adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah sebab pendekatan Islam Hadhari

ini tercetus, terutamanya sewaktu dunia Islam dan umatnya dilanda krisis persepsi salah seperti yang diutarakan Barat selepas pasca 11 September 2001.

Untuk itu, kajian ini dan hasilnya akan membincangkan mengenai salah satu punca tercetusnya gerakan bagi membina pendekatan Islam Hadhari oleh kepimpinan kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah salah satunya bertujuan membasmi fahaman ekstremism serta memulihkan semula imej Islam di persada antarabangsa yang dikatakan ekstreme, taksub, mundur serta bertindak ganas. Justeru pengkajian ini juga mengemukakan pandangan mengenai pendekatan Islam Hadhari samaada tersirat elemen politik atau tidak di dalam pelaksanaan pendekatan ini di persekitaran domestik dan juga antarabangsa.

## **4.1 ISLAMISASI DI MALAYSIA**

### **4.1.1 Wujud Persaingan Menginjuksi Islamisasi Dalam Proses Politik Malaysia**

Kajian ini mendapati bahawa, dalam suasana politik di Malaysia, wujud persaingan dalam proses menginjuksi Islamisasi dalam proses politik Malaysia. Dalam proses ini, UMNO selaku parti teras pemerintahan di Malaysia, telah dilihat berusaha bagi membataskan politik yang di mainkan pembangkang, terutamanya PAS di dalam persekitaran politik Malaysia.

Ini dapat disokongan menerusi pernyataan Dr. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan yang menyatakan berpandangan bahawa, berasaskan kepada kedudukan Islam seperti yang termaktub di dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan di Malaysia, iaitu ‘agama Islam adalah agama bagi Persekutuan’, maka Dr. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (\_\_\_\_\_: 4), ‘kedudukan Islam yang istimewa dalam perlembagaan Malaysia ini membolehkan nilai-nilai Islam menjadi asas kepada segala aspek pemerintahan dan pentadbiran negara’. Justeru, ini membolehkan kerajaan Malaysia memperkenalkan pelbagai dasar Islamisasi negara, di antaranya ialah menerusi pendekatan Islam Hadhari.

Sokongan juga ditunjukkan oleh Muhammad Syukri Salleh yang menegaskan bahawa dalam proses mengIslamisasikan institusi pentadbiran dan politik serta aspek kemasyarakatan di Malaysia, maka usaha yang dilakukan kerajaan adalah bersifat penerapan secara evolusi dan bukan revolusi. Ini kerana, proses Islamisasi yang dilakukan adalah menerusi ‘kaedah mengislamkan apa yang wujud sedikit demi sedikit’



dan bukannya dalam kaedah ‘sekaligus dan drastik’ (Muhammad Syukri Salleh, 2000: 163). Proses Islamisasi menurut perspektif Muhammad Syukri Salleh, adalah merupakan satu ‘kaedah mengIslamkan apa yang wujud sedikit demi sedikit, bukan sekaligus secara drastik, tanpa membungkus akar-umbi sistem dan tanpa meruntuhkan struktur yang wujud itu’ (2000: 163).

#### **4.1.2 UMNO Berperanan Dalam Proses Islamisasi Negara**

Kajian juga mendapati bahawa dalam proses pengIslamisasian negara, UMNO begitu memainkan peranan penting, ini dapat dilihat menerusi pandangan yang dikemukakan oleh Dato’ Wan Zahidi Wan Teh (2001: 12) yang juga menyokong pernyataan yang dinyatakan oleh Dr. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan dan Muhammad Syukri Salleh seperti yang dipetik pada ruangan 4.1.1 dengan jelas menyatakan dalam penulisan beliau bahawa bagi tujuan perpaduan umat Islam di Malaysia, UMNO yang merupakan parti pemerintah yang mendapat majoriti sokongan dari mandat rakyat, perlu untuk terus didokong serta diperkemaskan bagi mengelakkan berleluasanya golongan eskstreme dan radikal agar tidak memecah belahkan perpaduan serta kestabilan negara. Menurut Dato’ Wan Zahidi Wan Teh juga, perjuangan UMNO dilihat dari segi dakwah Islamiah memerlukan sokongan yang tidak berbelah bahagi rakyat, ini secara jelas di paparkan dalam pernyataan beliau seperti berikut:-

Maka berasaskan perkembangan-perkembangan yang disebutkan diatas, amat perlu perjuangan UMNO yang menjadi tulang belakang kepada kekuatan dan perpaduan di negara ini dilihat pengertian dan matlamatnya dari sudut dakwah Islamiah, supaya dengan segala kekeliruan yang timbul daripada pemikiran-pemikiran bida’ah dan fitnah-fitnah yang disebarkan oleh golongan yang mengikut jejak langkah khawarij itu dapat diperjelaskan.

(Dato’ Wan Zahidi Wan Teh, 2001: 12-13).

Pandangan yang dikemukakan oleh beliau adalah disebabkan demi memelihara perpaduan dan kestabilan negara. Dato' Wan Zahidi Wan Teh (2001: 13) berpandangan bahawa 'perjuangan UMNO dan hubungannya dengan dakwah Islamiah ini sangat penting dalam rangka perjuangan mempertahankan kedaulatan Islam dan memelihara perpaduan umat di negara kita'. Pandangan tersebut turut dinyatakan oleh seorang ahli akademik di Universiti Utara Malaysia iaitu Mohd Izani Mohd Zain, yang secara jelas menyatakan bahawa polimik pengIslamisasian institusi bernegara juga menjadikan Malaysia sebuah negara yang dipertegaskan keIslamannya oleh kepimpinan eksekutif negara. Hujah menyatakan bahawa wujud usaha pengIslamisasian politik dan pemerintahan secara jelas mendapat perhatian Mohd Izani Mohd Zain (2003: 17) yang menyebutkan bahawa:-

Konflik negara Islam di Malaysia tidak hanya melibatkan Pas sahaja. Kerajaan memerintah sedia mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam bagi menjawab tuduhan Pas selama ini yang menganggap Malaysia bukan negara Islam. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu Perhimpunan Agung Parti Gerakan mengiktiraf Malaysia sebuah negara Islam pada tanggal 29 September 2001. Malah selepas itu, Mahathir tegas mendakwa Malaysia bukan sekadar negara Islam, tetapi negara fundamentalis Islam kerana berupaya melaksanakan asas-asas Islam dalam pemerintahan negara.

(Mohd Izani Mohd Zain, 2003: 17).

Secara jelas, pernyataan bahawa wujudnya persaingan bagi mendapatkan sokongan politik menerusi kaedah Islamisasi pentadbiran dan pemerintahan secara tidak langsung mencetuskan pendekatan Islam Hadhari. Ini disokong menerusi pernyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang juga menjelaskan matlamat politik Islamisasi negara yang dilakukan kerajaan adalah jelas mampu membawa dimensi baru di dalam senario semasa politik di Malaysia. Ini kerana menerusi pendekatan Islam

Hadhari, menurut pemikiran Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menjelaskan bahawa pendekatan Islam Hadhari juga merupakan satu pendekatan kearah membangunkan elemen ketamadunan Islam di Malaysia. Datuk Seri Abdullah menyatakan dengan jelas bahawa ‘Islam Hadhari memberi keutamaan kepada pembangunan membina peradaban’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15). Ini sekaligus memberikan ruang kepada kerajaan bagi membentuk satu ketamadunan politik Islam yang baru di dalam memperkukuhkan dimensi Islamisasi negara. Maka, tindakan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mencetuskan pemikiran pendekatan Islam Hadhari dilihat mampu memberikan impak kepada kewujudan imej baru kepada UMNO dan Barisan Nasional yang menerajui kerajaan masa kini. Ini sekaligus mengurangkan polimik penentangan politik bagi berhadapan dengan usaha Islamisasi yang sedia dilakukan kerajaan pimpinan UMNO dari masa ke semasa.

Bagi mengurangkan tekanan politik pembangkang inilah, maka pencetusan Islam Hadhari dilakukan, sebagai usaha bagi memastikan pertembungan intra-politik tempatan tidak memuncak sehingga mencecah ketahap konflik berpanjangan. Pernyataan ini diskong oleh Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 9) yang menyatakan bahawa ‘sebarang bentuk fanatisme mestilah diperangi’ kerana ia boleh menggagalkan usaha pembangunan yang dilakukan kerajaan. Untuk itu ‘sikap taksab dan fanatik perlu dikikis’ (Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 9). Ini sekaligus memberikan perkembangan terhadap proses Islamisasi negara, di mana dapat dikesan, bahawa bagi mengatasi pemikiran ekstreme dari menular kepada bentuk tindakan bersifat ganas dan radikal, maka kerajaan perlu mengadaptasi politik semasa dengan melakukan perkembangan di dalam proses Islamisasi negara.

## **4.2 ISLAM HADHARI MEMPERBAIKI IMEJ ISLAM YANG DILABEL SECARA NEGATIF OLEH BARAT**

### **4.2.1 Islam Hadhari Adalah Pendekatan Pro Aktif Malaysia Menolak Tanggapan Negatif Barat Terhadap Islam**

Kajian ini mendapati bahawa Islam Hadhari tercetus sebagai satu pendekatan bagi menolak tanggapan negatif Barat terhadap Islam yang dianggap ganas serta menggalakkan keganasan.

Untuk itu, bagi menghindari tercemarnya imej Islam secara berterusan akibat daripada pendekatan ekstreme sesetengah kumpulan, mahupun pemerintah, maka Malaysia menerusi pendekatan Islam Hadhari adalah dilihat pada perspektif Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) ialah satu pendekatan bagi menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia yang merupakan sebuah negara Islam mempunyai satu pendekatan bersungguh dan berjaya di dalam mengatasi masalah ekstremism dan keganasan agama. Datuk Seri Mohd Najib (2007) juga berpandangan bahawa, agenda memerangi keganasan kini dilihat condong kepada arus pemikiran dibawah ruang perspektif Barat di dalam mengkategorikan perlakuan, kumpulan serta juga definisi ekstremism dan juga penganas.

Bagi Barat, Islam dianggap agama penganas, bersifat kejam dan kuno. Andaian ini mereka buat dengan sembrono tanpa mengkaji secara halus undang-undang dan peraturan dalam Islam, yang semuanya mempunyai rasional dan tertib serta tatacara yang tersusun rapi bagi mengelak dari berlaku ketidakadilan. Semuanya diatur dan boleh diaplikasikan sepanjang zaman.

(Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007)

Pernyataan Datuk Seri Najib (2007) tersebut dilihat sebagai satu perspektif kepimpinan Malaysia yang melihat bahawa, dalam dunia masa kini, umat Islam serta pemerintahan negara-negara di dunia Islam masa kini terpaksa berdepan dengan projeksi Barat yang mengaitkan Islam dan juga negara-negara Islam dengan kegiatan keganasan serta seterusnya apabila keganasan dikaitkan dengan Islam dan negara serta umat Islam, secara politiknya, Barat cuba menonjolkan bahawa Islam dan masyarakat Islam adalah ekstreme, fanatik serta taksub. Dengan sifat ini jugalah berlakunya masalah politik di negara-negara Islam.

Sokongan ke atas pernyataan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Mohd Najib juga dapat dilihat menerusi pernyataan Tun Dr. Mahathir yang jelas kecewa kerana ‘[b]arat sering kali menyalahkan agama khususnya Islam apabila berlakunya sesuatu kejadian dan Islam pula dikaitkan dengan keganasan’ (Utusan Malaysia, 15 September 2006: 9).

Pandangan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak juga turut sama dipersetujui oleh Tan Sri Abdul Hamid Othman (19 Mac 2007), Penasihat Agama Islam kepada Perdana Menteri serta beliau juga adalah di antara tokoh terawal yang mengemukakan perspektif Islam Hadhari sejak dari era pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri.

Secara jelas kajian mendapati bahawa usaha bagi menjayakan pendekatan Islam Hadhari yang dicetuskan oleh kepimpinan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah usaha meningkatkan imej positif Islam serta menolak usaha mengsinonimkan Islam dengan

ekstremism dan keganasan dapat dilihat dilihat menerusi beberapa penegasan yang dinyatakan oleh tokoh-tokoh yang terlibat di dalam memprojeksi Islam Hadhari.

#### **4.2.2 Islam Hadhari Adalah Pendekatan Ke Arah Kemajuan**

Kajian ini mendapati bahawa pendekatan Islam Hadhari dalam usaha menangkis persepsi salah masyarakat Barat terhadap Islam, ianya juga merupakan satu pendekatan pembangunan.

Hasilan kajian ini disokong menerusi pernyataan oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri selaku pelopor utaman bagi pendekatan Islam Hadhari ini, yang menyatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari secara jelas menekankan bahawa pendekatan Islam Hadhari merupakan satu pendekatan ke arah membangunkan elemen ketamadunan Islam di Malaysia. Datuk Seri Abdullah menyatakan dengan jelas bahawa 'Islam Hadhari memberi keutamaan kepada pembangunan membina peradaban' (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15).

Selanjutnya, pandangan Perdana Menteri telah turut sama dipersetujui oleh Penasihat Agama kepada beliau, diman pernyataan oleh Tan Sri Abdul Hamid Othman (19 Mac 2007) yang merupakan Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri menjelaskan bahawa Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang mahukan kemajuan dan sentiasa mendahului zaman. Islam yang moden dan relevan sepanjang zaman. Untuk itu,

Tan Sri Abdul Hamid Othman menjelaskan bahawa pendekatan Islam Hadhari bertujuan salah satunya adalah bagi memenuhi tuntutan zaman yang semakin global masa kini.

Bagi kita, zaman ni. Apa itu zaman ni? Komunikasi, jalan raya, taraf hidup mesti up to date la. Sama dengan dunia lain la. Tak kan kita mau lekeh-lekeh? Ha! Itu Hadhari.

(Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, 19 Mac 2007)

Selain itu, kajian juga melihat bahawa pandangan yang dikemukakan oleh Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman juga bersamaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohd. Shauki Abd. Majid (Mingguan Malaysia, 10 Disember 2006), yang menyatakan bahawa Islam Hadhari adalah merujuk kepada ‘keperluan untuk menggabungkan kecemerlangan aspek fizikal dan spiritual, duniawi dan ukhrawi dan kejayaan peribadi dan kesejahteraan masyarakat’. Mohd. Shauki Abd. Majid juga turut menjelaskan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang mampu mengembalikan semula kekuatan ajaran Islam yang turut mementingkan pembinaan tamadun manusia serta ianya adalah sebagai satu pendekatan yang dapat ‘umat Islam yang terkeliru’ fahamannya agar dapat membina peradaban Islam yang progresif dan cemerlang (Mingguan Malaysia, 10 Disember 2006).

Bagaimanapun, disebabkan ada umat Islam yang terkeliru dan mengabaikan salah satu dan kedua-dua aspek, maka nilai hadhari ini perlu ditekankan bagi meletakkan kembali umat Islam pada landasan sebenar mengikut syariatnya. Dalam sejarah pentadbiran negara, nilai-nilai hadhari sememangnya dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan.

(Mohd. Shauki Abd. Majid, Mingguan Malaysia, 10 Disember 2006)

Selain daripada itu, dapatan kajian bahawa pendekatan Islam Hadhari tercetus bagi menolak tohmahan Barat yang menyatakan Islam adalah ganas dan tidak bersikap toleran dan maju jelas turut disokong oleh Ustaz Shamsudin Munir (19 Mac 2007). Beliau juga menyokong bahawa pendekatan Islam Hadhari mampu mengembalikan semula kekuatan umat Islam di dalam membina peradaban dan tamadun dalam dunia sejagat masa kini.

Kita nak tunjukkan gini...sebab tohmahan Barat, Amerika melihat kita ni betul ke pengganas Islam sebab melihat majoriti orang Arab kita lihat sendiri orang Arab kan...jadi benda tu dah berlaku lama... orang Arab sendiri pun banding dengan orang kita pun jauh dari segi Islam tu amalannya jauh ...jadi sekarang ni kita di Malaysia ni nak tunjuk pada orang Barat, sekarang ni Malaysia kita nak laksanakan Islam secara bersungguh-sungguh, kita declare Islam Hadhari... bila declare Islam Hadhari mengukuhkan amalan Islam, negara Islam maka orang lihat apa buktinya kita ni pengganas...Malaysia ni model.ada tak Malaysia ni pengganas...bermakna dakwaan Barat mengatakan Islam pengganas kita tolak la...buktinya kita ni negara maju kan... tapi tak kisahlah negara maju kan... kita nak buktikan bahawa kalau orang kata Islam tu ganas tengok di Malaysia. Kita orang Islam jangan lihat orang Arab tu...yang ganas tu...lihat yang kita buat...sebab kalau nak buat contoh di Arab tak ada contoh. Kita nak buat satu orang kata ni satu orang kata ni gagasan la..Malaysia ni Islam Hadhari ni ialah Islam pembangunan yang bertamadun..ini contoh yang kita nak buat.

(Shamsuddin Munir, 19 Mac 2007)

Secara jelas Tan Sri Abdul Hamid Othman (19 Mac 2007) menyatakan bahawa Islam Hadhari dicetuskan adalah disebabkan oleh projeksi imej negatif Barat terhadap Islam dan umatnya yang dilabelkan sebagai ekstreme serta sering melakukan keganasan dalam persekitaran politik semasa.

Salah satunya ialah untuk membina kekuatan umat Islam. Nak tolak imej buruk yang dicetuskan oleh barat. Pasal apa imej kita buruk? Pasal kita lemah. Dia berani katalah, “hang tak reti apa”. Dia kata hang hodoh, hodoh la. Jadi, dia gambarkan umat Islam ni lemah, tak reti, bad work, jahat, ganas lagi! Punca ganas dia tak cakap. “Ganas, hang ganas!”

(Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, 19 Mac 2007).

Tujuan pencetusan Islam Hadhari yang difahami secara ringkas sebagai pendekatan ketamadunan Islam yang mahu membina Islam yang unggul serta bertamadun jelas menjadi agenda utama kerajaan. Penekanan kepada impak kejadian 11 September 2001 yang merubah perspektif dunia terhadap Islam, dan Islam sering dikaitkan sebagai ganas serta menyeru kepada keganasan, maka bagi Tan Sri Abdul Hamid Othman, Islam



Hadhari dicetuskan sebagai gerakan pembetulan imej serta menyediakan satu pendekatan yang menolak tanggapan dan tuduhan buruk Barat terhadap Islam dan negara-negara Islam.

Jadi, itu lah. Apa sebab Islam Hadhari? Nak balik semula keagungan, kegemilangan umat Islam hari ini. Nak hapuskan sangka buruk, imej buruk yang dibuat oleh barat terhadap Islam.

(Tan Sri Abdul Hamid Othman, 19 Mac 2007).

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah secara jelas menyatakan bahawa salah satu sebab dan tujuan Islam Hadhari dicetuskan adalah berasaskan kepada faktor persekitaran politik semasa, terutamanya bagi membetulkan tanggapan dan projeksi Barat yang menyatakan Islam itu ekstreme dan ganas. Islam Hadhari juga bertujuan bagi membendung pemikiran dan tindakan ekstreme serta ganas dalam persekitaran politik Malaysia dan juga mampu diperluaskan ke negara-negara Islam lainnya. Ia dilakukan menerusi pelbagai cara, di antaranya ialah dengan melakukan anjakan pembangunan dan membasmi kemiskinan yang membelenggu masyarakat di sebahagian negara-negara Islam.

Ucapan Perdana Menteri sewaktu berucap di Perhimpunan Agung PBB ke 61 di ibu pejabat PBB di New York pada 21 September 2006 jelas menunjukkan Islam Hadhari yang menyeru kepada pembangunan dan sifat kesederhanaan dan toleransi serta keadilan dalam masyarakat.

Islam Hadhari ialah seruan bagi pembangunan saksama dan kemajuan. Ia merupakan ajakan kepada kesederhanaan dan toleransi dan juga jaminan bagi keadilan dan kewajaran bagi semua tanpa mengira agama mereka

(Utusan Malaysia, 22 September 2006: 1-2)

Astora Jabat (Utusan Online, 11 Disember 2005) juga turut menyokong dan menyatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari mampu ‘dijadikan teras untuk mengadakan perubahan dan pembaharuan’ di kalangan negara-negara Islam. Untuk itu menurut Astora Jabat (Utusan Online, 11 Disember 2005), Malaysia menerusi pendekatan Islam Hadhari ‘dilihat oleh banyak negara Islam mampu mengembalikan imej Islam dan umatnya yang sudah tercemar’ (Utusan Online, 11 Disember 2005). Ini adalah penting berikutan ‘selepas banyak negara Islam dan negara bukan Islam termasuk Amerika Syarikat (AS) sentiasa menjadi sasaran serangan keganasan yang dilancarkan oleh orang Muslim yang menjadi pelampau dan penganas’ (Utusan Online, 11 Disember 2005).

Sepuluh prinsip utama Islam Hadhari yang menggambarkan ketinggian usaha kerajaan bagi membaiki imej umat Islam yang terjejas akibat tragedi 11 September 2001 dapat dilihat menerusi pendekatan kerajaan bagi mewujudkan, ‘Kerajaan adil dan beramanah’; dengan mendokong prinsip demokrasi yang digambarkan pada prinsip ketiga Islam Hadhari iaitu, ‘rakyat berjiwa merdeka’; dan juga mahu ‘penguasaan ilmu pengetahuan’; menjana ‘pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif’ demi ‘menjana kehidupan berkualiti’; dan juga menekankan hak ‘pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita’ yang jelas menekan konsep keadilan di dalam pemerintahan negara Islam.

Justeru, dalam proses membaiki imej umat Islam, kajian mendapati bahawa proses tersebut dapat dilihat menerusi pencetusan pemikiran Islam Hadhari yang berorientasikan pembangunan dan kesejahteraan kehidupan seperti yang termaktub di dalam prinsip-prinsip Islam Hadhari itu sendiri.

### **4.3 PERTEMBUGAN UMNO-PAS MENCETUSKAN PENDEKATAN ISLAMISASI POLITIK**

#### **4.3.1 Gagasan Islam Hadhari mampu menyaingi PAS dalam polimik politik Islam di Malaysia**

Kajian ini mendapati bahawa Pendekatan Islam Hadhari juga jelas dilihat mempunyai matlamat politik yang jelas mampu membawa dimensi baru di dalam senario semasa politik di Malaysia. Pendekatan Islam Hadhari dilihat mampu menyaingi PAS di dalam persaingan politik di Malaysia. Sekaligus memberikan ruang kepada kerajaan bagi membentuk satu ketamadunan politik Islam yang baru di dalam memperkukuhkan dimensi Islamisasi negara. Maka, tindakan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mencetuskan pemikiran pendekatan Islam Hadhari dilihat mampu memberikan impak kepada kewujudan imej baru kepada UMNO dan Barisan Nasional yang menerajui kerajaan masa kini.

#### **4.3.2 Pencetusan Pendekatan Islam Hadhari Secara Jelas Dilihat Sebagai Satu Usaha Bagi Memastikan Pertembungan Intra-Politik Tempatan Terkawal.**

Dalam kajian yang dijalankan ini, pencetusan pendekatan Islam Hadhari secara jelas dilihat sebagai satu usaha bagi memastikan pertembungan intra-politik tempatan tidak memuncak sehingga mencecah ketahap konflik berpanjangan.

Pandangan Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 9) jelas menyokong dapatan ini, kerana menurut beliau, menerusi penulisan yang dilakukan, beliau secara jelas menyatakan bahawa 'sebarang bentuk fanatisme mestilah diperangi' kerana ia boleh menggagalkan usaha pembangunan yang dilakukan kerajaan. Untuk itu 'sikap taksab dan fanatik perlu dikikis' (Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 9).

Pernyataan Mohd Nazri (2004) jelas di sokong oleh penulisan beberapa penulis lainnya, polemik pengIslamisasian institusi bernegara di Malaysia juga mendapat perhatian Mohd Izani Mohd Zain (2003: 17) yang menyebutkan:-

Konflik negara Islam di Malaysia tidak hanya melibatkan Pas sahaja. Kerajaan memerintah sedia mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam bagi menjawab tuduhan Pas selama ini yang menganggap Malaysia bukan negara Islam. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu Perhimpunan Agung Parti Gerakan mengiktiraf Malaysia sebuah negara Islam pada tanggal 29 September 2001. Malah selepas itu, Mahathir tegas mendakwa Malaysia bukan sekadar negara Islam, tetapi negara fundamentalis Islam kerana berupaya melaksanakan asas-asas Islam dalam pemerintahan negara.

(Mohd Izani Mohd Zain, 2003: 17).

Menerusi proses pengIslamisasian yang dilakukan kerajaan, maka usaha yang dijanakan pemerintah adalah dilihat lebih menarik sokongan rakyat dan dilihat lebih berjaya berbanding dengan dokma pemikiran serta tindakan yang dicetuskan oleh Islam bangkangan, maka pandangan Osman Bakar juga turut menyokong dapatan kajian di mana menurut perspektif beliau, menerusi penulisannya, beliau menyatakan bahawa kejayaan Datuk Seri Abdullah di dalam menarik sokongan adalah juga berakar umbi oleh pengaruh Islam yang dipunyai oleh keperibadian beliau. Pengaruh keperibadian yang dipunyai Perdana Menteri jelas dilihat sebagai satu 'senjata' politik yang mampu melemahkan pengaruh pembangkang, terutamanya Pas serta ianya mampu memberikan corak baru di dalam perkembangan politik Islam di persekitaran politik Malaysia masa kini.

*Badawi's triumph at the polls has led some political commentators to predict prematurely the demise of political Islam in Malaysia and the decline of PAS as an Islamic political party. PAS's brand of political Islam may have fared worse in the 2004 than in the 1999 elections ...*

(Osman Bakar, 2004: 20)

Untuk itulah, maka kepimpinan Malaysia begitu menekankan usaha bagi membasmi pemikiran dan fahaman yang ekstreme, fanatik serta jumud dan radikal dari menular di kalangan pemimpin politik serta rakyat di Malaysia. Bagi meredakan ketegangan tersebut, kepimpinan Datuk Seri Abdullah dilihat mampu menggerakkan usaha perpaduan dikalangan umat Islam di Malaysia, di mana, melalui pendekatan dan imej beliau yang dianggap rapat dengan tradisi keilmuan Islam, Perdana Menteri mampu membina pendekatan berhemah di dalam menangani sikap dan fahaman ekstreme tersebut. Pendekatan Islam Hadhari yang moderat serta progresif dilihat sebagai penerusan dasar-dasar Islamisasi UMNO di dalam kerajaan mampu memberikan jenama baru di dalam membentasi salah guna Islam di dalam politik, terutamanya oleh Pas dan pembangkang lainnya.

Kajian juga mendapati bahawa pertembungan UMNO dan Pas secara jelas telah membina Malaysia yang lebih pesat terbina proses Islamisasinya. Ini kerana menurut Mohamad Abu Bakar (2000: 152) dari segi politiknya, UMNO turut sama 'terheret ke dalam arena Islam yang terbentuk oleh pelakuan Pas'. Di persekitaran politik Malaysia masa kini, UMNO 'bukan sahaja beroperasi dalam kerangka politik yang telah disediakan oleh Pas' dan UMNO juga 'cuba berdepan dengan lawannya' (Mohamad Abu Bakar, 2000: 141). Ini menjadikan UMNO berusaha menjadi jaguh di dalam proses Islamisasi bagi menyaingi Pas agar sokongan terhadap pentadbiran UMNO berterusan. Mohamad Abu Bakar (2000: 152) juga menegaskan bahawa pertembungan UMNO dan Pas telah membentuk satu 'jenis pembudayaan' (*a form of socialization*) yang mencorakkan persekitaran politik Malaysia.

Secara jelas kajian ini menunjukkan secara jelas bahawa kini, pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu 'jenis pembudayaan politik pemerintah' serta ianya adalah sebagai satu percubaan UMNO dan Barisan Nasional bagi mendepani lawannya di dalam arena politik semasa di Malaysia. Untuk itulah, bagi berhadapan dengan politik semasa negara serta juga terpengaruh dengan cabaran antarabangsa, Malaysia sewaktu era kepimpinan Tun Dr. Mahathir secara jelas memperluaskan konsep dan evolusi Islamisasi negara ke tahap yang terbaik. Secara politiknya, kajian mendapati bahawa Islamisasi negara tidak mengancam kestabilan konsep permuafakatan pluralisme yang membina politik pemerintah di Malaysia. Untuk itulah juga usaha penerapan nilai-nilai Islam dan pengistiharaan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam fundamental mampu dicetuskan Malaysia.

Pendekatan Islam Hadhari juga dilihat sebagai satu kesinambungan hasil dari promosi besar-besaran Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu era pemerintahan beliau. Tun Dr. Mahathir memperkenalkan dasar 'Penerapan Nilai-Nilai Islam' dan seterusnya membawa Malaysia ke arah menjadi negara Islam contoh. Disamping itu, beberapa hari selepas peristiwa 11 September 2001, pada 29 September 2001, Tun Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri mengistiharkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang fundamental dihadapan perwakilan dan penyokong parti GERAKAN (Parti Gerakan Rakyat Malaysia) yang juga merupakan anggota komponen Barisan Nasional pada perhimpunan tahunan parti berkenaan yang majoriti perwakilannya adalah dari kalangan masyarakat bukan Islam.

(Md. Shukri Shuib, Oktober 2006: 20)

Mempelopori usaha Islamisasi negara, maka kini, pada era pasca Mahathir, imej serta keupayaan yang dimiliki oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri dilihat mampu membawa kepada satu titik temu bagi membolehkan kestabilan dalam persekitaran politik semasa di Malaysia tidak terganggu oleh sikap bangkangan

dan fanatik kepartian yang melampau. Sivamurugan Pandian (2003) menegaskan bahawa '[b]eberapa usaha perlu diambil supaya kestabilan nasional tidak terganggu akibat pertembungan intra-politik tempatan. (Sivamurugan Pandian, *Massa*, 8-14 November 2003: 17).

Seterusnya, Sivamurugan Pandian berpandangan bahawa di dalam senario politik Malaysia, pertembungan politik di antara UMNO dan Pas sememangnya begitu ketara dan dominan di kalangan umat Islam Malaysia. Pertembungan ini adakalanya sehingga mencetuskan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan, disebabkan oleh fahaman sesetengah pemimpin serta penyokong fanatik sesebuah parti politik.

Menurut pengkajian yang dilakukan oleh Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman (2006: 101), langkah kerajaan Malaysia memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari adalah berasaskan kepada sebab di mana ia adalah berorientasikan kepada perkembangan arus kebangkitan gerakan Islam yang berlaku sejak 1970-an.

Kebangkitan Islam di Malaysia pada awal tahun 1970-an telah membawa kesan yang sangat besar terhadap perjalanan politik tanah air. Secara tidak langsung ia telah mengangkat martabat Islam. Islam telah dijadikan sebagai faktor yang dominan di dalam arus perpolitikan negara. Hal ini dapat dilihat apabila dua buah parti politik Melayu terbesar iaitu UMNO dan PAS telah menjadikan Islam sebagai faktor yang menentukan kekuatan perjuangan.

(Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman, 2006: 101)

Dapatan kajian juga turut disokong menerusi pandangan Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman (2006: 102), di mana atas faktor pertembungan inilah maka wujud perlumbaan bagi 'menyesuaikan dasar perjuangan agar relevan dengan kehendak

Islam'. Seterusnya ia mendorong kepada pengenalan kepada beberapa dasar, terutamanya oleh UMNO yang merupakan tunggak politik di dalam pentadbiran kerajaan Malaysia.

Bagi UMNO yang ditubuhkan berdasarkan sentimen nasionalisme-Melayu-Bumiputera telah berjaya memanipulasi faktor Islam dalam kerajaan BN menerusi DPNI (Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam). Kemudian ia diikuti yang terkini ialah melakukan "rebranding" faktor Islam itu dengan mewujudkan pendekatan Islam Hadhari.

(Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman, 2006: 102)

Bagi kedua-dua penulis ini, pendekatan Islam yang dilakukan oleh pemerintah, termasuk juga pendekatan Islam Hadhari kini dilihat sebagai satu 'alat' atau 'tool' yang membolehkan Islam diadaptasi di dalam mendapatkan sokongan dan kekukuhan politik. Namun, ia sebenarnya membolehkan penambahkayaan Islamisasi berlaku di dalam pemerintahan sehingga membolehkan Malaysia mampu membina jatidiri sebagai sebuah negara Islam seperti yang termaktub di dalam perlembagaan dan juga mampu membina imej sebagai model negara Islam yang berjaya disebalik kepelbagaian majmuk masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya di Malaysia.

Dengan memprojeksi imej Islam secara besar-besaran, maka ia telah membolehkan UMNO untuk mampu membendung pengaruh politik parti pembangkang, terutamanya PAS yang lantang menyuarakan pendekatan politik Islam seperti yang diwar-warkan kepimpinannya. Sekali lagi Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman (2006: 102) menyatakan bahawa 'Islam dilihat sebagai faktor yang berperanan penting dalam gerakan politik Malaysia'.

...UMNO yang menguasai kerajaan BN cuba menjalankan pendekatan Islamik sebagai tindakan politik bagi memenangi persaingan dengan PAS yang sedia menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan politik-dakwahnya.

(Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman, 2006: 103)



Tindakan politik yang dilakukan UMNO di dalam pentadbiran kerajaan secara jelas telah ‘menjadikan politik keagamaan (Islam) sebagai faktor anjakan merapatkan lagi persaingan UMNO-PAS bagi mempengaruhi pengundi (orang Melayu) dalam mana-mana pilihanraya’ (Wan Nik Wan Yussof dan Asma’ Husna Sulaiman, 2006: 103).

Menurut Ioannis Gatsiounis, dalam artikelnya bertajuk ‘*Islam Hadhari in Malaysia*’, pendekatan politik menerusi pendekatan Islam Hadhari yang dicetuskan sebelum pilihanraya umum 2004, jelas memberikan impak positif kepada kepimpinan kerajaan di bawah Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Menerusi pencetusan Islam Hadhari, UMNO dilihat mampu menarik sokongan ramai dengan agenda Islamisasi yang dilakukan kerajaan. Kemenangan di dalam pilihanraya umum 2004 di mana Barisan Nasional mengemukakan manifesto, di antaranya menegaskan bahawa Islam Hadhari akan didokong sebagai agenda negara telah berjaya menarik sokongan masyarakat.

*Islam Hadhari was created with this highly politicized terrain in mind and in its short existence has served UMNO well. It was introduced months before parliamentary elections in 2004, giving Badawi’s promise to tackle Malaysia’s endemic corruption and promote reform a progressive Islamic face. Its emphasis on tolerance appealed to Malaysians of all stripes. The UMNO-led national front went on to post one of its best showings in history, winning 90.4 of Malaysia’s 219 national parliamentary seats and 64 percent of the popular vote, and roundly defeating the opposition Pan-Malaysian Islamic Party (PAS).*

(Ioannis Gatsiounis, *Islam Hadhari in Malaysia*, sumber: [http://www.futureofmuslimworld.com/research/pubID.43/pub\\_detail.asp](http://www.futureofmuslimworld.com/research/pubID.43/pub_detail.asp), capaian 17 April 2007).

Islam Hadhari dilihat oleh sesetengah penganalisis dan penulis politik sebagai satu pendekatan politik dan merupakan kempen kerajaan bagi memenangi sokongan rakyat di dalam usaha mewujudkan kestabilan negara melalui modenisasi, toleransi dan keadilan

sosial (Ioannis Gatsiounis, 16 Februari, 2006). Ia sekaligus menggambarkan bahawa pendekatan Islam Hadhari mampu membasmi fahaman ekstreme dan radikal.

*In the Muslim world Malaysia is bigger than its physical size would suggest. The Southeast Asian nation of 24 million people is known for its stability, tolerance, and steady economic gains over the last 30 years. Malaysia does not take that reputation for granted; it has strived to live up to it. The latest and most ambitious effort comes by way of “Islam Hadhari,” or “civilizational Islam,” a political and ideological campaign introduced by Abdullah Badawi shortly after he was named prime minister in 2003 that stresses technological and economic competitiveness, moderation, tolerance, and social justice.*

(Ioannis Gatsiounis, *Islam Hadhari in Malaysia*, sumber: [http://www.futureofmuslimworld.com/research/pubID.43/pub\\_detail.asp](http://www.futureofmuslimworld.com/research/pubID.43/pub_detail.asp), capaian 17 April 2007).

Dalam usaha meneruskan agenda Islamisasi negara serta bagi mengurangkan atau menghindari ketidakpuashatian masyarakat umum terutamanya masyarakat bumiputera yang menjadi golongan majoriti bagi kebanyakan kawasan pilihanraya di Malaysia, maka kerajaan telah dengan berusaha keras bagi memenangi sokongan masyarakat tersebut. Ini menyebabkan ‘kesedaran Islam yang diperjuangkan semakin mempengaruhi masyarakat Melayu dan pihak kerajaan pula semakin memberikan perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh gerakan dakwah-politik yang bertonggakkan kebangkitan Islam’ (Wan Nik Wan Yussof dan Asma’ Husna Sulaiman, 2006: 84). Maka bagi Wan Nik Wan Yussof dan Asma’ Husna Sulaiman (2006: 84) adalah wajar dinyatakan bahawa dalam memahami kebangkitan Islamisasi di Malaysia, peranan yang dimainkan oleh ‘gerakan dakwah dan gerakan politik’ adalah relevan dan berasas.

Menyedari bahawa ‘gerakan dakwah dan gerakan politik’ mampu menggerakkan perubahan dalam senario politik semasa, maka adalah penting dan perlu kepada pihak

pemerintah bagi mengawal serta memastikan agar kegiatan kumpulan-kumpulan gerakan ini sentiasa berada di dalam yang tidak dipengaruhi oleh pemikiran sempit lebih-lebih lagi bersifat ekstreme dan ganas. Inilah dilema kepada negara-negara Islam, di mana demi memastikan kestabilan negara dapat dijanakan, maka satu mekanisme pengawalan adalah perlu diwujudkan.

Dalam pengkajian mengenai kewujudan mekanisme inilah, maka Malaysia sentiasa bertindak untuk memastikan UMNO dan kerajaan sedia ada peka serta bertindak awal mempromosi serta menunjangi langkah-langkah penambahbaikan dalam proses Islamisasi negara dalam konteks Malaysia. Dengan itu, masa depan kerajaan pemerintah akan terjamin dan sokongan serta mandat rakyat akan berterusan, disebabkan oleh inovasi pentadbiran politik serta kepekaan politik yang sentiasa diperbaharui mengikut arus semasa. Maka, Islam Hadhari dicetuskan sebagai usaha inovasi kerajaan yang ditunjangi UMNO serta BN bagi mematahkan hujah-hujah pembangkang yang menyatakan kerajaan sedia ada tidak Islamik.

### **4.3.3 Keperibadian dan latarbelakang Datuk Seri Abdullah memberi impak dan pengaruh dalam politik Islam di Malaysia**

Kajian mendapati bahawa wujud perkaitan di antara pengaruh keperibadian pemimpin yang juga turut mencorakkan proses Islamisasi negara. Kajian mendapati bahawa wujud pandangan yang menyokong pernyataan bahawa pengaruh keperibadian dan latarbelakang keluarga sejarah politik yang dipunyai oleh Datuk Seri Abdullah secara jelas mampu meredakan pertembungan UMNO dan Pas dalam persoalan politik Islam di Malaysia. Dapatan ini secara jelas turut dinyatakan oleh Sivamurugan Pandian (2003: 17)

dalam penulisannya yang menyatakan bahawa faktor personaliti kepimpinan turut mempengaruhi pembentukan sokongan oleh rakyat. Faktor ini menjadikan pertembungan UMNO dan Pas mampu dijernihkan menerusi keupayaan faktor personaliti Datuk Seri Abdullah yang mana sejarah keluarga dan keperibadiannya adalah berlatarbelakangkan tradisi ilmuan Islam yang turut berjasa pada pembentukan politik Malaysia. Sivamurugan Pandian menyatakan:-

Pertembungan UMNO dan Pas merupakan satu pertembungan yang bukan sahaja memberi kepentingan kepada umat Islam tetapi juga akan memelihara kestabilan politik negara. Abdullah juga boleh menggunakan bukan sahaja latar belakang personaliti beliau malahan sejarah keluarga sendiri akan membantu meningkatkan imej beliau di kalangan orang Melayu. Ini turut boleh menarik minat bukan sahaja golongan ulama mahupun mereka yang memberi keutamaan kepada hal-hal keagamaan tetapi juga golongan profesional dan ilmuwan yang dilihat lebih condong ke arah parti pembangkang sejak beberapa tahun terakhir ini.

(Sivamurugan Pandian, *Massa*, 8-14 November 2003: 17).

Penghujahan bahawa Islam Hadhari ini sebagai satu alat kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di dalam proses menginjeksi politik Islam di Malaysia bagi membendung golongan pembangkang dan juga golongan fanatik serta ekstreme adalah jelas digambarkan melalui beberapa karya dan penulisan tokoh-tokoh akademik dan juga pemerhati politik semasa di Malaysia. Perkara asas dan utama ialah mengenai personaliti kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di mana pengaruh personaliti juga dilihat sebagai satu faktor yang membantu di dalam usaha mendapat sokongan rakyat dan sekaligus mengurangkan sokongan kepada fanatik dan pembangkang di Malaysia. Sivamurugan Pandian (2003) memandang kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam projeksi Islam di Malaysia sebagai satu langkah yang memperlihatkan keupayaan untuk berdepan dengan ‘musuh politik’ yang juga mampu memamatkan isu-isu yang sering diketengahkan golongan pembangkang terutamanya PAS.

Kajian juga diperlihatkan bahawa dalam usaha mempromosi pendekatan Islam Hadhari dibawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, ianya jelas dilihat sebagai sesuatu yang menguntungkan UMNO dan kerajaan Malaysia masa kini. Berlatarbelakangkan sejarah keluarga yang terdiri dari kalangan ulama dan ahli politik yang begitu aktif menyumbangkan jasa di dalam menuntut kemerdekaan serta terlibat aktif di dalam UMNO, ditambah nilai pula dengan keupayaan beliau yang berlatarbelakangkan pengajian Islam, kepimpinan Datuk Seri Abdullah di dalam mempromosikan pendekatan Islam Hadhari mampu menjanakan perubahan di dalam pengukuhan proses Islamisasi negara.

[S]eorang yang memiliki ijazah di dalam bidang usuludin, Abdullah di jangka menggunakan kekuatan tersebut untuk berhadapan dengan golongan pembangkang, terutamanya daripada parti Pas. Proses Islamisasi Dr. Mahathir banyak berasaskan kepada rasional dan kritikan yang dianggap bersesuaian dengan kehendak sezaman. Dasar beliau dilaksanakan untuk mencerminkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang moden dan berkebolehan.

(Sivamurugan Pandian, *Massa*, 8-14 November 2003: 17)

Dengan keupayaan yang dimiliki Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh beliau mampu untuk menjadi benteng kepada keagresifan pembangkang, terutamanya di dalam mencari sokongan golongan majoriti Islam di Malaysia, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dilihat mampu membendung fahaman ekstreme, fanatik dan jumud serta radikal di kalangan aktivis dan pembangkang yang beralaskan Islam sebagai agenda politik mereka.

Sivamurugan Pandian menyatakan bahawa untuk menjayakan matlamat itu, '[b]eberapa strategi, tindakan, keprihatinan dan pemantauan perlu dirangka oleh Abdullah untuk

mencerminkan kepintaran politik beliau bukan sahaja untuk melobi populariti tetapi juga untuk memastikan musuh politik beliau tidak bermaharajalela' (Sivamurugan Pandian, *Massa*, 8-14 November 2003: 17). Bagi kepimpinan Datuk Seri Abdullah masa kini, strategi untuk memastikan musuh politik kepada kepimpinan beliau tidak bermaharajalela, maka pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu mekanisme politik kepimpinan Perdana Menteri bagi membendung berleluasanya elemen ekstreme dan fanatik.

Secara jelas, dalam kajian yang dijalankan, faktor personaliti kepimpinan turut mempengaruhi sebab kepada penjanaan pendekatan Islam Hadhari.

## **4.4 EKSTREMISM DALAM POLITIK ISLAM**

### **4.4.1 Ciri-Ciri Ekstremism Menurut Sarjana Islam**

Kajian ini mendapati beberapa ciri yang diketengahkan sebagai satu set kriteria yang menggambarkan seseorang individu atau kumpulan tersebut mampu di klasifikasikan sebagai ekstremis, kajian mendapati bahawa Datuk Hj Mohd. Nakhaei Hj Ahmad (2004) menyatakan hujah beliau mengenai bahaya ekstremism di dalam bentuk pemikiran atau tindakan, di mana baginya bahawa extreme atau fanatik dapat dilihat kepada skop pemikiran golongan tersebut, iaitu menerusi ketaksuban dimana ‘mereka yang terlalu taksub kepada satu-satu pendapat sehingga tidak mahu langsung menerima pendapat orang lain dan seolah-olah tidak ada satu pun pendapat lain yang boleh digunakan’, maka inilah ciri-ciri utama ekstremism atau fanatik pemikiran yang dinyatakan oleh Datuk Hj Mohd. Nakhaei Hj Ahmad, dimana menurut beliau juga ‘pegangan mereka tidak berdasarkan kepada bukti dan kebenaran, sebaliknya taksub kepada kumpulan dan puak’ (Datuk Hj Mohd. Nakhaei Hj Ahmad di dalam Prof Dr. Yusuf al-Qardhawi dan Prof Dr. Ahmad Kamal Abu al-Magd, 2004: vii).

Kajian mendapati bahawa taksud serta melampau mampu diklasifikasikan sebagai extreme, dan ini disokong menerusi pandangan Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2004), di mana beliau menyatakan bahawa terdapat enam tanda pelampau agama. Pelampau agama di sini, dirujuk secara lebih khusus mereka yang berfahaman extreme, jumud serta sempit, radikal serta sanggup bertindak ganas. Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2004) memperincikan enam tanda tersebut sebagai isyarat kepada wujudnya golongan extreme di kalangan umat Islam. Enam tanda itu ialah:-

- i. taksub dengan pendapat tertentu
- ii. suka mengerjakan yang susah
- iii. melampau yang tidak kena pada tempatnya
- iv. keras dan ganas
- v. sangkaan buruk dengan orang lain
- vi. kecenderungan kafir mengkafir

Selain daripada pandangan yang dikemukakan Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi, Prof Dr. Ahmad Kamal Abu al-Magd (2004) turut menyokong dapatan kajian di mana beliau secara jelas memperincikan sebab-sebab kepada kewujudan golongan pelampau atau ekstremist agama ini. Prof Dr. Ahmad Kamal Abu al-Magd (2004) menyebutkan lima sebab kepada kelahiran pelampau agama, iaitu:-

- i. memahami al-Quran dan Hadis dengan cara yang sempit
- ii. pengambilan ilmu dari ceramah umum
- iii. taat membuta tuli
- iv. memencilkan diri dari masyarakat
- v. penyalahgunaan pendapat

Jika dilihat kepada pemikiran sarjana klasik awal Islam, Imam Al-Ghazali r.a juga menekankan betapa perlunya sikap bersederhana dan menolak pemikiran dan tingkahlaku ekstreme dari menular di dalam diri individu dan juga masyarakat agar ianya tidak menjejaskan pentadbiran dan keharmonian negara.



Seseorang yang salah iktikad dikeranakan pemikirannya, atau ikut-ikutan orang lain, berarti terjerumus dalam bahaya ini. Kesalehan dan kezuhudan serta tingkahlaku yang baik, juga tidak akan mampu menolong dari bahaya ini. Yang akan menyelamatkan hanyalah iktikad yang benar... Orang yang sederhana pemikirannya ialah sesungguhnya yang beriman kepada Allah, kepada Rasul-Nya, dan kepada akhirat. Dia adalah orang-orang yang selamat.

(Al-Iman Al-Ghazali, Minhajul Abidin: Wasiat Imam Ghazali: 22)

Dapatan kajian mendapati bahawa tidak dapat dinafikan, sekiranya satu persatu pemerhatian dan pengamatan dilakukan, termasuk pengamatan yang dilakukan serta dialami pengkaji sendiri, Pas dan para pemimpin serta penyokongnya, terutama di kawasan pendalaman dan di kampung-kampung lebih bercirikan retorika Islam dan memiliki ciri-ciri dan tanda sebagai pelampau agama yang fanatik dan ekstreme seperti yang digariskan oleh piawaian akademik Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi. Di antara ciri-ciri di atas, sebahagiannya terdapat kepada ciri-ciri para pemimpin dan penyokong parti pembangkang, terutamanya Pas yang berslogankan membangun bersama Islam.

#### **4.4.2 Isu-Isu Berkaitan Pemikiran Ekstremism Islam Di Malaysia**

Di dalam pengkajian ini, perkaitan di antara aspek kewujudan pemikiran ekstreme dapat dikenalpasti menerusi beberapa kejadian yang berlaku dipersekitaran politik semasa negara. Antara beberapa kejadian yang berlaku, salah satunya dapat dilihat ekstremism pemikiran ini dari segi pengwujudan isu-isu politik semasa di kalangan umat Islam. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dalam proses pembentukan pendekatan Islamisasi yang seterusnya menyebabkan timbulnya idea memperkenalkan pendekatan Islam Hadhari adalah sebagai reaksi balas kepada tindakan politik pembangkang yang menggunakan Islam dalam memperolehi sokongan politik. Tindakan pembangkang yang

dilihat ekstreme dengan mencetuskan isu-isu sensitif dan bersifat provokatif perlu dibendung.

Dapatan kajian mendapati bahawa wujud isu-isu seperti isu kafir-mengkafir seperti yang disebutkan di dalam kertas kerja bertajuk '*Islam and Violence in Malaysia*' oleh Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007: 10), yang dicetuskan Pas di dalam ceramah politik oleh pemimpin parti berkenaan. Tindakan tersebut dilihat mampu menjejaskan kestabilan negara dan ini menggambarkan bahawa sifat sesetengah pemimpin pembangkang parti berkenaan yang fanatik dan ekstreme sehingga mencetuskan suasana tegang di kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

*The earliest post-coalition PAS's public branding of UMNO as kafir may be located to November 1979, when Mustapha Abu Bakar, Deputy Chairman of PAS's Commissioner Committee of Kelantan (1979-81), in a lecture in Ulu Besut, Terengganu, labeled UMNO members as apostates.*

(Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 10)

Kajian mendapati bahawa isu kafir mengkafir yang dinyatakan menerusi kertas kerja Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007) menunjukkan betapa bahawanya fahaman ekstreme dan fanatik serta radikal jika dibiarkan menguasai persekitaran politik Malaysia, maka ia akan menjadi penyebab kepada ketidakstabilan negara. Berikutan fahaman politik yang bersifat ekstreme, maka Pas tidak teragak-agak untuk menidakkan keimanan para penyokong Islam UMNO. Maka, Pas bertindak untuk mengasingkan diri dari para penyokong UMNO, dan juga menyatakan bahawa berimamkan penyokong UMNO di dalam sembahyang adalah tidak sah, begitu juga dengan status sembelihan yang dianggap haram serta juru nikah yang dilantik kerajaan juga dianggap menikahkan pasangan secara tidak sah di sisi Islam.

*As such, UMNO members were allegedly unfit to lead congregational prayers, unqualified to slaughter livestock for consumption and incapable of solemnising marriages.*

(Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 10)

Untuk itu, terjadi beberapa peristiwa serta fatwa dan pandangan para pemimpin Pas yang menyeru penyokong-penyokong parti berkenaan agar tidak mengadakan sebarang kerjasama dengan UMNO, samaada pemimpin ataupun ahlinya. Lokman Ismail (*Tanwir*, April- Jun 2005: 19- 20) mencatatkan beberapa fatwa yang dikeluarkan Pas yang dilihat ekstreme serta radikal.

- i. Pada Ogos 1963, Dewan Ulama PAS Kelantan mengeluarkan fatwa bahawa: “orang-orang Islam yang berkongsi dengan orang-orang kafir untuk memerintah negara menjadi kafir atau haram” (Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005: 19).
- ii. Pada 1979, Haji Mustafa Abu Bakar, guru Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan dibicarakan di Mahkamah atas tuduhan berikut:  
“Orang-orang UMNO dalam Barisan Nasional hukumnya murtad. Orang-orang UMNO dalam Barisan Nasional tidak sah dijadikan imam sembahyang. Sembelihan orang UMNO Barisan Nasional tidak boleh dimakan. Tidak sah akad nikah sekiranya jurunikah itu orang Barisan Nasional. Sekiranya tidak bersefahaman antara suami isteri jika salah seorang PAS yang satu Barisan Nasional, nescaya hukumnya tertalakah antara suami isteri dan jika bersetubuh juga hukumnya zina, kalau dapat anak hukumnya anak zina”. (Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005: 19-20).
- iii. Pada tahun 1981 Pak Chu Hassan dari Pasir Mas, Kelantan mengeluarkan fatwa menghukum penyokong Barisan Nasional sebagai kafir (Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005:20).
- iv. Pada tahun 1981 juga, Presiden Pas sekarang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengkafirkan UMNO ketika berceramah di Kampung Banggol Peradong, Kuala Terengganu (Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005: 20).  
Berikut adalah petikan ucapan Presiden Pas yang mengkafirkan UMNO pada April 1981 yang dikenali sebagai “Amanat Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang”

“Saudara-saudara sekalian, percayalah! Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang BN, bukan kerana nama BN. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahilliyah. Oleh

kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.

Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam.

Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku”

(Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005: 23)

- v. Pada tahun 1994, Mursyidul Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengatakan bahawa menentang Pas adalah haram mengikut al-Quran. (Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005:20).
- vi. Pada tahun 1999, ketika bahang demam pilihanraya ke 10 mula dirasakan, Nik Aziz mengeluarkan kenyataan berikut: “sesiapa yang nak tolong kerajaan Islam kami sebagai pemimpin Islam mesti terima sama DAP, MCA dan MIC. Kalau nak tolong kenapa kita tolak. Jika DAP ikhlas nak tolong PAS, saya terima usahkan DAP, syaitan pun boleh saya terima”  
(Lokman Ismail, *Tanwir*, April-Jun 2005: 20)

Kajian ini juga mendapati bahawa selain daripada peristiwa yang dicatatkan oleh Lokman Ismail di dalam *Tanwir* keluaran April-Jun 2005 di halaman 19-20, Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007) juga mencatatkan peristiwa yang sama, di mana bagi Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007) peristiwa kafir mengkafir di dalam politik Malaysi yang digunakan secara meluas oleh Pas telah menyebabkan perpecahan masyarakat, terutamanya di Kelantan, Terengganu dan Kedah yang mana Pas memiliki penyokong yang agak signifikan.

*Kafir-mengkafir was crystallised as a national issue by the controversial speech delivered in April 1981 by Haji Abdul Hadi Awang... This speech, infamously called Amanat Haji Hadi, outlines three major principles which governed PAS's fight against UMNO. First, PAS opposed UMNO and BN not because their names were as such, but because they had retained the colonial or infidel constitution that they inherited. Second, since the struggle speeches and financial contribution of PAS members were as honourable martyrs. Third, one need not officially convert to other religions to become a kafir, instead, one could be thrown into infidelity by simply separating between religion and politics*

(Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 11; Kamarul Zaman Haji Yusuff, 2004: 385).

Kajian turut mendapati bahawa kegiatan politik yang di amalkan oleh Pas telah menyebabkan pepecahan di kalangan umat Islam di Malaysia akibat daripada tindakan politik ekstreme yang dicetuskan oleh pemimpin dan pengikut parti berkenaan. Ini dapat dilihat menerusi penulisan yang dilakukan oleh bekas pemimpin parti berkenaan. Menurut bekas aktivis Pas yang pernah menjawat pelbagai jawatan di dalam parti tersebut di mana jawatan terakhir beliau adalah sebagai pegawai penerangan Pas negeri Terengganu dan Kelantan sejak 1969 sehingga di tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sewaktu Operasi Lalang pada tahun 1987 kerana terlibat di dalam kegiatan subversif yang dikenali “Jundullah”, Omar bin Khalid yang merupakan pesara guru agama menyatakan bahawa Pas telah mengeluarkan fatwa mengkafirkan UMNO dan para pemimpin serta penyokongnya.

Suatu ketika dulu ada seorang hamba Allah yang bergelar “Tok Wali Hasan”, beliau tidak mempunyai ilmu Islam yang banyak (kini sudah meninggal dunia). Beliau secara terus terang telah menuduh orang-orang UMNO kafir, segala sembelihan orang UMNO tidak boleh di makan. Selepas fatwa tersebut dikeluarkan kita dapati banyak suami isteri yang telah bercerai, masjid berasingan, kubur berasingan, bernikah 2 kali, anak dan ibu bapa sudah tidak berpemergian, pulau-memulau, sembelihan korban berasingan dan lain-lain lagi. Fatwa tersebut telah direstui oleh pemimpin PAS, sebagai bukti kita dapati bahawa selepas itu Tok Wali Hasan telah dipilih menjadi calon PAS melawan Tengku Razaleigh Hamzah di Parlimen Ulu Kelantan (ketika itu mewakili UMNO). Sehingga sekarang pemimpin PAS belum membatalkan fatwa tersebut.

(Omar Khalid,1999: 22)

Isu kafir mengkafir wujud bukan sahaja di persekitaran politik Malaysia, namun, ia juga adalah dilihat sebagai isu yang melibatkan umat Islam dan politiknya di peringkat antarabangsa, banyak negara Islam turut terbelenggu dengan masalah ini. Sultan Shaheen

(1999) yang di dalam penulisannya menyatakan kebimbangannya berhubung isu kafir mengkafir dengan mengemukakan pandangan seperti berikut:-

*In common parlance a Kafir is understood as a non-believer. It is not clear, though, if a Kafir is somebody who doesn't believe in God or oneness of God or both in God and the Prophethood of Hazrat Mohammad. Christians and Jews who do not believe in the Prophethood of Mohammad are, however, not treated as Kuffar, despite even a smattering "idolatry" involved in some of their practices. Many non-Muslims, who may be believers in God, in one sense or the other, take umbrage at being called a Kafir by some ignorant Muslims. This does amount to an insult to their belief systems.*

(Sultan Shaheen, Sumber: <http://www.islamfortoday.com/shaheen01.htm>,  
capaian pada 17 April 2007).

Menurut Sultan Shaheen (1999), perbuatan kafir mengkafir telah menyebabkan ketaksuban, di mana pandangan serta pendapat ulama yang tidak sealiran akan ditolak, kerana anggapan bahawa ulama yang bukan terdiri dari kalangan ahli kumpulan tertentu adalah kafir. Sultan Shaheen (1999) juga mengingatkan akan hadith Rasulullah s.a.w yang melarang umatnya mengkafirkan sesama Islam. Sultan Shaheen menulis:-

*The Prophet once said that any one who wrongly calls others kafir is himself a kafir. The accusation of Kufr reverts to the accuser if the accused is innocent. This would again place nearly all ulema belonging to different sects who routinely keep calling each other kafir in the list of Kuffar themselves.*

(Sultan Shaheen, Sumber: <http://www.islamfortoday.com/shaheen01.htm>,  
capaian pada 17 April 2007)

Menurut Sultan Shaheen (1999), tidak ramai ulama yang mahu terlibat di dalam penyelesaian masalah kafir mengkafir. Namum, dalam konteks politik Islam di Malaysia, terdapat ulama dan cendiakawan serta institusi agama di peringkat negeri dan persekutuan yang begitu mengambil berat bagi mengawal dan menangani satu satu ciri

ekstremism Islam, iaitu persoalan kafir mengkafir di kalangan umat Islam. Sultan Shaheen menyatakan pandangannya:-

*The greatest irony in the history of Islam is that though Islam claims to be a rational religion, it would be difficult to find a prominent thinking Muslim with the courage of his convictions who has not attracted the fatwa of Kufr.*

(Sultan Shaheen

Sumber: <http://www.islamfortoday.com/shaheen01.htm>, capaian pada 17 April 2007)

Kajian mendapati bahawa, cetusan isu kafir mengkafir ini sebenarnya telah menurut ciri-ciri pelampau agama yang digariskan oleh Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2004), jelas Pas memiliki ciri-ciri sebagai sebuah parti politik yang cenderung kepada ekstremism serta bersifat ganas.

Kajian juga mendapati bahawa sifat fanatik dan ekstreme yang diserapkan dikalangan pengikut Pas tidak dilihat pula mempengaruhi UMNO dan kerajaan untuk bertindak mengkafirkan semula parti pembangkang berkenaan. Ini di sokong oleh beberapa sarjana politik Islam di Malaysia, di mana menurut Mohammad Abu Bakar, Tun Dr. Mahathir sewaktu menerajui kepimpinan negara telah ‘mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak mengkafirkan lawan mereka’ (Pemikir, Julai-September 2000: 141).

Mohamad Abu Bakar (2000: 141) juga menyatakan bahawa Dr. Mahathir menekankan supaya UMNO ‘memujuk mereka kembali ke pangkal jalan’ bagi membina perpaduan umat Islam. Dr. Mahathir secara jelas menggambarkan politik pemerintah adalah bagi membina ‘negara ini sebagai sebuah negara Islam contoh dari segi kesederhanaannya

menerusi penerapan nilai-nilai Islamiyah’ (Mohamad Abu Bakar, 2000: 141; Utusan Malaysia, 4 November 1984).

Selain itu, sifat fanatik serta ekstreme pemimpin Pas di dalam politik diamati oleh Omar Khalid (1999: 22) di mana beliau menyatakan bahawa ‘saya telah mendengar sendiri daripada mulut ustaz Nik Ab. Aziz semasa beliau mengajar di Masjid Kampung Pulau Melada dengan mengatakan: “Jikalau melawan UMNO tiba-tiba meninggal dunia, maka kita dikira mati syahid”. Omar Khalid (1999: 22) juga menyatakan bahawa kaset ceramah tersebut tidak dibenarkan bagi edaran orang ramai atas alasan ‘sensitif dan fatwa itu hanya untuk orang dalaman semata-mata’.

Kajian juga mendapati bahawa dalam menyelesaikan isu berkaitan politik Islam di Malaysia yang membabitkan politik Pas dan UMNO, peranan Institusi Beraja turut penting bagi meredakan ketegangan politik di antara UMNO dan Pas. Secara jelas kajian mendapati bahawa bagi menyelesaikan pergolakan politik yang dicetuskan secara ekstreme oleh Pas, maka Majlis Raja-Raja telah mengarahkan Perdana Menteri supaya mengambil tindakan tegas berhubung isu kafir-mengkafir yang ditimbulkan Pas bagi mengelakkan perpecahan (Mohamad Abu Bakar, 2000: 149; Utusan Malaysia, 2 November 1984). Ini juga bersesuaian dengan larangan yang dibuat oleh Yusuf al-Qardhawi terhadap sikap melampau, termasuk juga di dalam persoalan kafir mengkafir sesama Islam (Mohamad Abu Bakar, 2000: 149).



Sikap fanatik dan ekstreme yang ditunjukkan kepimpinan pembangkang, terutamanya yang terdapat di kalangan para pemimpin PAS, ia sedikit sebanyak telah menjejaskan kestabilan politik Malaysia. Justeru, secara jelas, setiap tindakan kerajaan turut sama dipengaruhi oleh usaha bagi membenters fahaman fanatik di dalam persekitaran politik di Malaysia agar tidak memudaratkan kestabilan dan keamanan negara. Maka, pendekatan Islam Hadhari yang dicetuskan dibawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi memperlihatkan fanatik-ism di kalangan politik pembangkang menjadi salah satu penyebab kepada keperluan kepada pencetusan Islam Hadhari sebagai satu usaha merasionalisasikan politik umat Islam di Malaysia, agar tidak terpengaruh dengan daya usaha politik pembangkang yang dilihat ekstreme dan radikal.

#### **4.4.3 Pemikiran Ekstreme Membawa Keganasan**

Kajian mendapati bahawa sikap ekstreme dalam politik Islam mampu membawa keganasan. Ini kerana, sekiranya di kaji dalam perspektif politik Islam di Malaysia, secara jelas dinyatakan bahawa, golongan ekstremis adalah merupakan golongan yang ‘tidak bersikap terbuka’ (Mohamad Nazri Mohd Amin, 2004: 7) dan ini akan membawa kepada kegagalan mengintegrasikan masyarakat dalam agenda nasional negara.

Mohamad Nazri (2004:7) menulis:-

Dari sudut sosial, semangat seperti ini (ekstreme dan fanatik agama) juga akan mengancam cita-cita negara untuk mencapai integrasi nasional. Pembangunan negara yang berterusan juga bergantung kepada perpaduan rakyat dan kesanggupan mereka (golongan fanatik agama) untuk berfikir dan bertindak sebagai satu warga negara.

(Mohamad Nazri Mohd Amin, 2004: 7)

Kerajaan Malaysia jelas begitu menekankan aspek menjamin keselamatan negara, di mana sebarang gugatan akan diatasi sepenuhnya. Untuk itu, eleven ekstremism juga begitu diberikan perhatian yang bersungguh oleh pihak kerajaan agar dalam pelbagai caranya dapat diatasi. Samaada secara halus ataupun menggunakan penguatkuasaan undang-undang.

*Extremism stemming from the current Islamic religious revival has been cited by the Malaysian and Indonesian governments as a sufficiently serious internal security threat to justify extraordinary administrative and military measures to contain it. The Malaysian leadership feared that, as a consequence of the Iranian Revolution in 1978, extreme Muslim groups might seek to realize their Islamic objectives by revolutionary means.*

(Andrew Tan, 2003: 93)

Memperincikan sifat ekstreme yang jelas membahayakan serta sanggup melakukan keganasan, Sheikh-ul-Islam Talghat Tajuddin yang merupakan Mufti Besar (*Supreme Mufti*) bagi *Representative of the Central Spiritual Board of Muslims for Russia and the East-European countries of the Commonwealth of Independent State*, di mana beliau adalah Mufti Besar bagi Russia dan negara-negara bekas Kesatuan Soviet. Sewaktu berucap di Moscow pada 28 Jun 2001, beliau menyatakan bahawa:-

*Extremist fanatics change... into compulsory godliness, into a completely different pattern: they require literal observance to their own rules, invented by them, and call violence on everyone who does not obey them.*

(Talghat Tajuddin,

Sumber: <http://www.islamfortoday.com/tajuddin01.htm>, capaian pada 17 April 2007))

Menurut Ziauddin Sardar (23 September 2001), beliau mempersoalkan mengenai umat dan negara Islam yang dilihat sebagai toleran terhadap golongan fanatik dan ekstreme sehingga membolehkan golongan radikal tersebut bertindak ganas dan juga menyatakan kematian mereka adalah shahid menerusi tanggapan bahawa golongan fanatik tersebut

sedang berjihad. Ini menurut Ziauddin Sardar (23 September 2001) juga telah memburukkan imej Islam terutamanya selepas tragedi 11 September 2001.

*We have given free reign to fascism within our midst, and failed to denounce fanatics who distort the most sacred concepts of our faith. We have been silent as they proclaim themselves martyrs, mangling beyond recognition the most sacred meaning of what it is to be a Muslim.*

(Ziauddin Sardar, 23 September 2001, Sumber:  
<http://www.guardian.co.uk/Archive/Article/0,4273,4262753,00.html>,  
capaian pada 17 April 2007)

Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang merupakan Timbalan Menteri Penerangan, ada menghujahkan mengenai Islam Hadhari dan kepentingannya di dalam mendepani arus globalisasi dunia. Sewaktu pembentangan kertas kerja bertajuk ‘Gelombang Globalisasi’ di seminar Pemikiran Islam Hadhari anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Penerangan Malaysia, Datuk Ahmad Zahid menyatakan Islam Hadhari adalah bertujuan membentuk satu ‘keperibadian moden yang berteraskan kejatian budaya’ yakni satu keperibadian yang merangkumi sifat-sifat seperti ‘ketrampilan dan sahsiah yang berbentuk rasional, tidak fanatik, luwes, bertanggungjawab serta bersedia untuk bekerjasama, berperikemanusiaan, penyayang dan bertolak ansur’ (Ahmad Zahid Hamidi, \_\_\_\_\_: 33).

Sesuai dengan ciri-ciri yang dinyatakan tersebut, Datuk Ahmad Zahid Hamidi sekali lagi dalam kertas kerja yang dibentangkan beliau menyebutkan betapa sifat fanatik dan ekstreme perlu dijauhi, serta ianya sekaligus menggambarkan bahawa sifat Islam Hadhari serta di antara sebab utama Islam Hadhari dicetuskan adalah bagi mengatasi kejumudan dan sifat fanatik yang men dorong keganasan. Datuk Ahmad Zahid Hamidi menyatakan

bahawa Islam adalah agama yang toleran, terbuka dan menghormati sifat majmuk di dalam masyarakat (Ahmad Zahid Hamidi, \_\_\_\_\_: 34).

Jelas kita tidak dapat mengelak hakikat bahawa agama akan sentiasa diperlukan dalam kancah globalisasi. Oleh yang demikian, amat penting bagi ummah di Malaysia bertindak dan memainkan peranan memupuk perkembangan pemikiran agama yang bersifat toleran, terbuka dan menghormati perbezaan dan pluralisme insan lain.

(Ahmad Zahid Hamidi, \_\_\_\_\_: 34).

Menyentuh mengenai nilai-nilai menolak fanatik ideologi, Datuk Ahmad Zahid menyatakan bahawa perlunya bagi umat Islam untuk menghindari pertentangan serta konflik politik yang bersifat ekstreme bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu serta rasional.

Hal ini kerana pendidikan agama dalam dunia global amat memerlukan penerapan khusus tentang keprihatinan dan pemikiran kritis serta refleksif tentang kompleksiti dan asas-asas politik yang mencirikan masalah perbezaan dan pertentangan dalam kehidupan sosial, sama ada konflik nilai mahupun konflik ideologi.

(Ahmad Zahid Hamidi, \_\_\_\_\_:34).

Datuk Ahmad Zahid seterusnya menekankan bahawa aspek fanatik serta konflik ideologi jika tidak diatasi akan merebakkan konflik bersenjata, maka Datuk Ahmad Zahid berpandangan dan menyatakan persoalannya mengenai ketaksuban yang adakalanya menjurus kepada keganasan dan seterusnya mengganggu kestabilan sehingga menguntungkan pihak yang ingin melihat negara Islam terasing dari perkembangan global.

Mengapa kita perlu berperang tidak berkesudahan sesama sendiri?... hasilnya, “menang jadi arang, kalah jadi debu”. Pihak musuh bertepuk tangan kerana peranan mereka sebagai dalang telah berjaya.

(Ahmad Zahid Hamidi, \_\_\_\_\_: 34-35).

Istilah ‘dalang’ dan ‘musuh’ dalam teks ucapan Datuk Ahmad Zahid Hamidi secara tersiratnya dapat di nilai sebagai kuasa asing atau proksi asing yang berusaha mengkuarkacirkan negara serta menumbangkan kerajaan pemerintah menggunakan sentimen agama atau perkauman bagi mencetuskan huru hara.

Jika dilihat lebih lanjut, kertas kerja yang dibentangkan oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi ini juga menekankan betapa perlunya masyarakat untuk berwaspada akan elemen fanatik dan ekstreme, di mana ianya akan mampu menjana ketidakstabilan kepada negara serta boleh mencetuskan sesuatu konflik yang buruk jika sifat ini tidak dibendung. Justeru, Islam Hadhari sekali lagi jelas memaparkan objektif di mana, pada pandangan dan resolusi menurut perspektif pemikiran Datuk Ahmad Zahid Hamidi adalah bagi membina generasi yang membenci sifat-sifat ideologi sempit, fanatik dan keganasan. Maka, ianya akan membolehkan kebangkitan negara-negara Islam berlaku.

Generasi muda ummah hendaklah diperkuatkan akar tunjang pegangan agamanya, tetapi mesti bersedia membuat pengisian intelektual dan sahsiah yang hasanah, tidak berpijak kepada pegangan ideologi politik yang sempit, tidak fanatik dan bencikan keganasan, sesuai dengan kebangkitan (*resurgence*) ummah diperingkat pensejagatan, supaya Islam tetap dihormati sebagai *Ad-Din* dalam erti kata yang sebenar bersesuaian dengan peradapan, perubahan dan pemodenan dalam dunia globalisasi ini.

(Ahmad Zahid Hamidi, \_\_\_\_\_: 35).

Jika dirujuk kepada pandangan dan pendefinisian Islam Hadhari menurut perspektif JAKIM, maka Islam Hadhari secara literalnya, Islam Hadhari adalah, ‘suatu pendekatan pembangunan manusia’ yang dilihat dengan jelas bagi JAKIM bertujuan untuk membendung ekstremism dan kefanatikan dari segi pemikiran dan tindakan di dalam masyarakat. JAKIM dengan jelas menghuraikan bahawa Islam Hadhari mahu membina

‘masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh’, dan juga ‘cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai (tanpa keganasan)’ (JAKIM, Ogos 2004: 3).

Ini menjelaskan matlamat bahawa Islam Hadhari wujud hasil dari pengamatan politik semasa tanahair yang menuntut supaya pemikiran dan pendekatan serta tindakan jumud yang didorong oleh pemikiran sempit yang ekstreme, fanatik serta taklik kepada sesetengah pihak tertentu dalam kepuakan tertentu agar diatasi bagi membina perpaduan negara agar tidak terjerumus mana-mana individu atau kelompok masyarakat di Malaysia kearah keganasan cetusan dari kegagalan membina pemikiran rasional dan seimbang. Sesuailah dengan pernyataan JAKIM bahawa ‘usaha kerajaan memperkenalkan Islam Hadhari dalam arus pembangunan perdana negara amat tepat pada masanya ketika umat Islam sedang menghadapi perubahan samaada dari segi politik, ekonomi, pendidikan, kemajuan sains dan teknologi’ (JAKIM, Ogos 2004: 5).

Dalam mengkaji sebab Islam Hadhari dicetuskan, maka faktor untuk mengatasi fahaman dan tindakan ekstreme yang boleh mengganggu gugat kestabilan negara serta masyarakat dalam konteks politik Malaysia, adalah jelas menunjukkan keperkaitan yang nyata di antara faktor semasa, pasca 11 September 2001 yang menggambarkan Islam itu ganas dan ekstreme sebagai satu punca mengapa Malaysia dan kepimpinannya mengetengahkan pendekatan Islam Hadhari.

Datuk Hj Mohd. Nakhaei Hj Ahmad ada menyebutkan ‘orang Islam haruslah mengelakkan diri dari bersikap longgar dan melampau dalam beragama sama ada yang bernama liberalisme, ekstremisme, chauvanisme dan fanatikisme’ (Mohd. Nakhaei Hj Ahmad di dalam Yusuf al-Qardhawi dan Ahmad Kamal Abu al-Magd, 2004: vii). Beliau juga menyatakan bahawa corak-corak fahaman tersebut apabila diterjemahkan ke dalam bentuk perlakuan akan seterusnya menyebabkan konflik dan mengganggu kestabilan negara.

Perbuatan itu apabila disertai oleh sikap menekankan pendirian sendiri ke atas orang lain secara paksa, kekerasan dan militan boleh membawa kepada konflik, perpecahan dan pertumpahan darah.

(Mohd. Nakhaei Hj Ahmad di dalam Yusuf al-Qardhawi dan Ahmad Kamal Abu al-Magd, 2004: vii)

Pandangan Abdal Hakim Murad (2001) dalam penulिसannya bertarikh 14 September 2001 turut menyatakan bahawa sifat ekstreme mampu mencetuskan tindakan ekstreme yang bertujuan politik.

*[T]hey (Muslim) cannot deny forever that doctrinal extremism can lead to political extremism. They must realise that it is traditional Islam, the only possible alternative to their position, which owns rich resources for the respectful acknowledgement of difference within itself, and with unbelievers.*

(Abdal-Hakim Murad,

Sumber: <http://www.islamfortoday.com/murad01.htm>, capaian pada 17 April 2007)

Justeru, bagi mengatasi sikap dan perbuatan yang melampaui batas tersebut, Datuk Hj Mohd Nakhaei menegaskan bahawa ‘Umat Islam mestilah mengekalkan pendirian sederhana dan seimbang seperti yang dikehendaki Islam kerana pendirian itu melambangkan identiti Islam yang sebenar’ (Mohd. Nakhaei Hj Ahmad di dalam Yusuf al-Qardhawi dan Ahmad Kamal Abu al-Magd, 2004: vii). Pengekalan identiti sebenar

Islam akan membina kekuatan ummah, di mana, kegiatan ekstreme sebenarnya telah merosakkan Islam dan terdapat segelintir masyarakat yang telah menerima pengaruh agama lain di negara seperti Algeria dan Afghanistan akibat dari perbuatan ekstreme yang melemahkan imej Islam. Abdal-Hakim Murad (2001) menyatakan bahawa ekstremism mampu menyebabkan masyarakat menghindari Islam.

*Extremism can drive people right out of Islam. In 1999 the Conference of French Catholic bishops announced that 300 Algerians were among the year's Easter baptisms. Noting that ten years earlier Muslims never converted at all, they reported that the change was the result of the spread of extreme forms of Islam in Algeria. In Afghanistan, too, there are now Christians for the first time ever, and I have heard from one ex-Taliban member that this is because of the extremism with which Islam is imposed on the people.*

(Abdal-Hakim Murad,

Sumber: <http://www.islamfortoday.com/murad01.htm>, capaian pada 17 April 2007)

Menyedari bahawa usaha membendung fanatik-ism dan ekstremism bagi mencapai tahap politik yang stabil, maka pelbagai usaha dilakukan kerajaan, terutamanya dalam konteks politik di Malaysia, pendekatan Islam Hadhari memperlihatkan akan usaha berterusan pemerintah bagi menjamin pemikiran umat Islam di Malaysia tidak disempitkan dengan penularan fahaman fanatik yang jelas mampu membawa kepada kemudharatan bernegara.

#### **4.4.4 Tindakan Ekstreme Yang Dilakukan Akibat Pemikiran Politik Ekstreme Di Malaysia**

Kajian mendapati bahawa tindakan ekstreme mampu wujud disebabkan oleh pemikiran politik yang terkongkong dengan sifat taksub dan melulu. Ini disokong menerusi pernyataan oleh penulisan yang dilakukan oleh Mohamad Abu Bakar (2000: 124) yang juga berpandangan bahawa '[p]erjuangan dan politik konservatisme boleh melahirkan konflik' jelas terbukti berlaku di persekitaran politik Malaysia, di mana dengan sifat



konservatif tersebut, maka ditambah pula dengan fahaman dan pemikiran yang fanatik, taksub, serta ekstreme mampu membawa kepada wujudnya kegiatan subversif dan ganas.

Pada perspektif kerajaan, tanggapan negatif terhadap Pas yang bersifat ekstreme dan radikal pendekatan politiknya di dalam persekitaran politik Malaysia dapat dilihat melalui pernyataan menerusi kertas putih yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia yang menyatakan Pas begitu radikal, ekstreme serta mengadakan kegiatan yang subversif serta anti-demokrasi.

*...White Paper entitled The Threat to Muslim Unity and National Security, which implicated PAS members in the subversive activities of extremist Islamic groups, and created the spectre of the communists manipulating PAS-inspired rifts to achieve their anti-democratic aims (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 12; Kamarulzaman Abdullah,\_\_\_\_\_: 195-196; Geoffrey C. Gunn,\_\_\_\_\_: 40).*

Kertas Putih yang dikeluarkan Kerajaan Malaysia adalah berikutan daripada penahanan ISA ke atas para pemimpin Pas yang disyaki merancang gerakan militan.

*Following detentions under the ISA of three PAS Youth leaders, viz. Abu Bakar Chik, Bunyamin Yaakob and Muhammad Sabu, and amidst rumours that PAS members were preparing themselves for a military jihad, a ban was imposed in August 1984 on PAS gatherings in its tour stronghold states (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 12; Far Eastern Economic Review, 23 August 1984).*

Jika dilihat dari segi perspektif politik, Pas dengan ideologi menegakkan negara Islam mampu membawa kepada elemen ekstreme, fanatik adakalanya mampu membawa kepada keganasan. Menurut Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007: 27), walaupun Pas menafikan wujud perkaitan di antara parti tersebut dengan kumpulan Al-Maunah, namun, ideologi yang dicetuskan Pas di dalam persekitaran politik Malaysia telah dilihat mendorong kumpulan tersebut bertindak ganas bagi melancarkan pemberontakan.

*Despite PAS spokemen's denials of links between PAS and Al-Ma'unah, PAS could not deny the fact that its black and white Islamic state ideology had influenced the Al-Maunah rebels.*

(Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 27)

Selain itu, peristiwa yang dicatatkan Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007) juga mempunyai persamaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 5-6) yang mencatatkan beberapa kejadian-kejadian berhubung dengan fanatik yang dilaporkan berlaku di negara ini, di antara kejadian-kejadian itu menurut Mohd Nazri Mohd Amin, ialah:-

- i. sembahyang dua imam
- ii. kafir mengkafir
- iii. memulaukan kenduri
- iv. Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan Al-Maunah

Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 4-6) juga mencatatkan beberapa tindakan pemimpin Pas yang dilihat ekstreme serta bertindak melampaui batas. Persoalan seperti isu kafir-mengkafir seperti yang disebutkan Ahmad Fauzi Abdul Hamid dalam kertas kerjanya turut juga dipaparkan Mohd Nazri Mohd Amin (2004) menerusi penulisan beliau yang mengetengahkan perilaku Pas yang tidak mahu berimamkan selain daripada penyokong parti politik mereka, 'orang-orang Pas menuduh orang UMNO sebagai kafir' (Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 5), dimana menurut Mohd Nazri Mohd Amin, '[m]ereka ini sebenarnya terpengaruh dengan Amanat yang telah disampaikan oleh Tuan Guru sehingga menyebabkan mereka sanggup mengkafirkan orang lain' (2004: 5). Selain itu,

Pas juga memulau kenduri yang dilakukan orang yang tidak menyokong parti mereka (Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 6).

Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 6) mencatatkan bahawa 'oleh kerana tidak sehaluan dalam pegangan parti politik, penyokong-penyokong PAS dilaporkan tidak mahu menerima jemputan kenduri jiran-jiran mereka daripada parti lain'. Lebih merunsingkan lagi keselamatan negara ialah apabila Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, 'jelas menyokong pengeboman berani mati' secara terang-terangan di dalam muktamar tahunan ke 49 parti berkenaan (Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 6).

Selain itu juga, Mohd Nazri Mohd Amin juga mengaitkan penahanan anak kepada Menteri Besar Kelantan yang dipimpin Datuk Nik Aziz Nik Mat dari parti Pas, Nik Adli Nik Aziz dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana terlibat di dalam Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dinyatakan Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 6) sebagai jelas 'membuktikan bahawa mereka [PAS] menggalakkan kepada aktiviti keganasan'.

Pertembungan UMNO dan Pas di dalam suasana persekitaran politik Malaysia jelas berlaku sehingga Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri, dalam ucapan Hari Kemerdekaan pada 1984 jelas membayangkan bahawa wujud fahaman ekstreme dan radikal di dalam Pas yang mampu mencetuskan keganasan di Malaysia. Tun Dr. Mahathir juga secara terang-terangan menyebutkan bahawa Pas cuba menubuhkan pemerintahan 'mullah' serta berusaha menumbangkan kerajaan sedia ada menerusi keganasan.

In his 1984 National Day address, Dr, Mahathir harped upon the theme of groups aiming to forcibly establish a “government by mullahs” and on another occasion, claimed to have seen evidence of PAS’s plans of setting up ‘suicide squads’ for whom “the shedding of UMNO blood [wa]s halal”.

(Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 7)

Ini dapat dilihat bahawa di dalam suasana politik Malaysia, fahaman ekstreme, fanatik dan bersifat radikal serta ganas perlu di atasi. Ini kerana, menurut Muhamad Nazri Mohd Amin (2004: 9), beliau berpandangan bahawa ‘[f]anatik kepada agama jelas membawa kepada aktiviti keganasan. Ini jelas dapat dilihat menerusi peristiwa berdarah di Kerling, Selangor pada 1978 dan Batu Pahat, Johor pada 1980.

*The state’s surveillance of activities of fringe Islamic extremists intensified after bloody incidents in Kerling, Selangor in 1978 and Batu Pahat, Johore in 1980.*

(Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007: 7)

Kejadian akibat fanatik yang keterlaluan beralaskan agenda politik golongan dan kumpulan tertentu, telah juga dinyatakan Mohd Nazri Mohd Amin (2004) sebagai pencetus kepada kejadian-kejadian tragis negara yang mencemarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil serta harmoni.

Berbagai kejadian tragik telah dicetuskan oleh kumpulan fanatik diseluruh dunia. Peristiwa 11 September 2001 adalah merupakan manifestasi daripada sikap fanatik yang ditonjolkan sehingga Islam dianggap sebagai agama yang menyeru kepada keganasan. Di negara kita juga telah berlaku beberapa peristiwa berdarah seperti peristiwa Memali dan serangan balai polis di Batu Pahat, Johor yang telah mengorbankan nyawa-nyawa orang yang tidak berdosa akibat terlampau fanatik.

(Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 7).

Pendekatan politik yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu seperti KMM dan Al-Maunah serta parti pembangkang Pas dilihat menggunakan Islam sebagai alasan untuk membina satu kerangka sokongan yang bersifat ekstreme serta radikal. Omar Khalid (1999) yang juga terlibat di dalam kumpulan “Jundullah” menyatakan bahawa Pas

merestui kegiatan ekstreme dan fanatik. Ini dapat dilihat menerusi pernyataan beliau yang menyatakan bahawa ‘kebanyakan usrah, tamrin, kiamullail ke arah ekstrim’ (Omar Khalid, 1999: 22). Omar Khalid (1999: 22) juga menyatakan bahawa para pemimpin Pas telah turut sama menghadiri aktiviti-aktiviti yang dianjurkan tersebut. Selain itu, menurut Omar Khalid (1999: 23), Pas memiliki keupayaan keselamatannya yang tersendiri, di mana menurut Omar Khalid (1999: 23), ‘PAS telah membentuk pengawal keselamatannya’ yang dilihat ‘bersedia menghadapi segala kemungkinan hatta terpaksa bertumpah darah sekalipun’. Pengawal keselamatan Pas juga menurut Omar Khalid (1999:23) diberikan ‘semangat jihad’ bertujuan bagi ‘agar tidak takut menghadapi UMNO bahkan melawan polis dan tentera sekalipun’. Antara pasukan pengawal Pas ini ada yang dinyatakan Omar Khalid telah terbunuh sewaktu kejadian Memali pada 19 November 1985 (Omar Khalid, 1999: 23).

Pernyataan Menteri Dalam Negeri bahawa golongan yang mencetuskan tragedi Memali pada November 1985 serta kumpulan Al-Maunah pada Julai 2000 adalah di antara 12 kumpulan militan yang dikenalpasti sebagai kumpulan pencetus keganasan, serta mampu bertindak ganas bagi mencapai matlamat menggulingkan kerajaan, dan ini dikatakan berlangsung sejak 1967 lagi (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007; Utusan Malaysia, 26 September 2003).

Pas juga dinyatakan mempunyai hubungan yang akrab dengan golongan revolusi Islam Iran, di mana Presiden Pas pada 1983, Haji Yusuf Rawa turut menyatakan bahawa Pas sememangnya mempunyai hubungan dengan Iran (Shanti Nair,1997: 131).

*By 1982... Government surveillance of Party was deemed necessary in the wake of evidence of Malaysians visiting Iran "to study its revolutionary style government" and claims that Pas was now "bent on an Iranian type revolution in Malaysia".*

(Shanti Nair,1997: 131)

Kegiatan ekstremism juga dilihat sebagai satu cabaran didalam persekitaran politik Malaysia.

*The domestic challenge of religious extremism is however importantly shaped by the perception... of contemporary global religious revivalism...*

(Shanti Nair,1997: 131)

Kegiatan ekstremism juga dilihat sebagai cabaran di mana kerajaan perlu membina satu interpretasi dan pendekatan bagi menolak pandangan konservatif dan orthodox dari menular sehingga menggugat keselamatan serta mengganggu perjalanan pentadbiran dalam sistem pemerintahan negara.

*The determination of "wrong" Islam and its easy association with "extremism" is also increasingly linked to the federal government's attempt to institute an orthodoxy of belief if not of ortho-practic behaviour as a means of rationalising Islam towards a particular socio-economic but also political agenda.*

(Shanti Nair,1997: 130)

## **4.5 CARA KERAJAAN MENGATASI EKTREMISM**

Untuk mengelakkan berlakunya gangguan ke atas kestabilan negara, maka pihak kerajaan perlu mengambil pelbagai pendekatan bagi membendung fahaman ekstreme dari menular. Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2007) menjelaskan dalam kertas beliau bahawa telah wujud beberapa kejadian keganasan yang disebabkan oleh fahaman ekstreme dan radikal, terutamanya dikalangan pemimpin dan penyokong Pas. Kejadian di Lubok Merbau pada 1985 dan Memali pada 1985 telah menunjukkan bahawa pemimpin dan pengikut Pas terlibat secara aktif di dalam kegiatan ekstreme dan bersifat ganas.

Tindakan pihak kerajaan menahan pemimpin serta penyokong Kumpulan Militan Malaysia (KMM) di bawah ISA juga dilihat sebagai langkah membendung fahaman dan tindakan ekstreme serta radikal bagi ‘tujuan menjaga kemashalatan masyarakat majmuk di Malaysia’ (Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 8). Ini kerana menurut Mohd Nazri (2004: 8) ‘[s]ekiranya penglibatan mereka ini tidak dibendung dari awal sudah pastinya akan berlaku huru-hara dan ketidaksejahteraan dikalangan masyarakat’, maka dengan hujah tersebut, tindakan dan pendekatan kerajaan di dalam membendung fahaman ekstreme dan radikal serta melampau dikalangan para pemimpin politik serta kumpulan-kumpulan radikal adalah wajar dilakukan bagi membina kestabilan negara.

### **4.5.1 Menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)**

Tindakan kerajaan Malaysia bagi membendung kegiatan subversif serta ekstreme dilihat berhasil bagi meredakan kegiatan yang bersifat radikal. Menerusi penahanan di bawah ISA ke atas para pemimpin serta pengikut fahaman radikal, ia dilihat sebagai satu kaedah

ketara yang digunakan kerajaan Malaysia bagi menstabilkan situasi politik negara. Pandangan Tun Ghafar Baba selaku bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan pejuang kemerdekaan telah berpandangan bahawa 'ISA yang menentukan Malaysia merdeka sekarang. Kalau tidak ISA mungkin merdeka sudah habis. ISA inilah menjadi senjata menyelamatkan Malaysia selamanya, negara Barat menentang ISA tetapi sekarang mereka mahu meniru ISA Malaysia' (Tun Ghafar dalam Taharuddin Yaakob, *Tanwir*, April-Jun 2005: 17). Namun menurut Ahmad Fauzi Abdul Hamid, penahanan ISA hanya dilakukan berasaskan fakta bahawa seseorang individu itu berpotensi menyebabkan ancaman kepada keselamatan (Harold Crouch, Ahmad Fauzi Abdul Hamid, Carmen A. Abubakar dan Yang Razali Kassim, 2002: 43).

*Note that the arrests made under ISA were made on the basis that those individuals constitute a potential threat to domestic security, and not necessarily because they have actually committed acts of violence against the state.*

(Harold Crouch, Ahmad Fauzi Abdul Hamid, Carmen A. Abubakar dan Yang Razali Kassim, 2002: 43).

Disamping pendekatan halus dan penerangan yang dilakukan kerajaan, terdapat juga satu mekanisme pengawalan ekstremism, iaitu melalui penahanan di bawah ISA. ISA dari perspektif perundangan Islam, menurut Dato' Wan Zahidi Wan Teh yang kini Mufti Wilayah Persekutuan, penggunaan ISA oleh pihak kerajaan Malaysia adalah 'wajib khususnya dalam kes-kes yang membabitkan keselamatan negara' (Dato' Wan Zahidi Wan Teh, 2001: 12). Menurut Dato' Wan Zahidi Wan Teh, ISA adalah wajib dan ini dapat dilihat menerusi pernyataan beliau yang diujahkan seperti berikut:-

Imam Nawawi ketika menghuraikan hadith di atas mengatakan: "Maknanya" jika tidak dapat ditolak perbuatan tersebut melainkan dengan cara yang sedemikian (bunuh)." (Sahih Muslim Bisyarh An Nawawi)



Berasaskan huraian Imam Nawawi ini, saya berpandangan bahaw[a] penggunaan ISA adalah wajib khususnya dalam kes-kes membabitkan keselamatan negara, memandangkan hukum asalnya lebih berat seperti yang terdapat dalam nas-nas di atas.

(Dato' Wan Zahidi Wan Teh, 2001: 12).

#### **4.5.2 Menerusi Pendekatan 'Halus' Kerajaan**

Dalam konteks Malaysia, ISA bukan satu pendekatan kerajaan, namun, usaha lain dilakukan bagi memastikan kestabilan terjamin, di antaranya ialah dengan cara halus seperti yang dinyatakan oleh Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007). Justeru, pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan halus kerajaan bagi memenangi hati dan pemikiran golongan tersebut agar kembali kepada golongan majoriti dalam persekitaran politik Malaysia.

Ekstremism bagi Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Malaysia, berpandangan bahawa ekstremisme membawa takrifan iaitu 'sebarang pegangan ideologi yang melampaui batasan-batasan normal dan sederhana, dan menjurus ke arah elemen-elemen yang merbahaya dan memudaratkan' (Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007).

Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) juga menegaskan bahawa dalam menangani permasalahan dan cabaran ekstremism serta keganasan ini, maka 'pendekatan Kerajaan dalam menangani ekstremisme selama ini lebih menjurus kepada memikat mereka secara halus, yakni "winning their hearts and minds" ' (Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007). Ini juga dapat dilihat sama pendekatannya di dalam usaha

kerajaan membasmi elemen komunism di dalam persekitaran politik Malaysia semasa darurat sehingga pembubaran Parti Komunis Malaya (PKM). Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) selaku Menteri Pertahanan menyatakan bahawa '[d]alam kita menangani ancaman komunisme suatu ketika dahulu pun kita menggunakan pendekatan ini'.

Untuk itu Islam Hadhari dapat digambarkan sebagai satu pendekatan yang dijanakan kerajaan menerusi kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai satu pendekatan mengekang dan membasmi elemen ekstreme, jumud dan fanatik dalam persekitaran politik di Malaysia.

#### **4.6 ISLAM HADHARI SEBAGAI SATU PENDEKATAN POLITIK PEMERINTAH DALAM MEMBENDUNG FAHAMAN FANATIK**

Kajian mendapati bahawa cetusan pendekatan Islam Hadhari merupakan satu pendekatan politik pemerintah di dalam membendung fahaman fanatik. Ini di dapati secara jelas menerusi petikan daripada teks ucapan Dato' Dr. Abdullah Bin Md Zin selaku Menteri Di Jabatan Perdana Menteri sewaktu menyampaikan ucapatama sempena Majlis Perasmian Seminar Kenegaraan Dan Ketamadunan: Ke Arah Memahami Islam Hadhari Di Malaysia, pada 18 Mei 2005, bertempat Bilik Seminar, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, maka dapat dikenal pasti bahawa pencetusan Islam Hadhari juga adalah sebagai reaksi balas kerajaan di dalam menangani masalah ekstreme Islam yang mengetatkan peraturan-peraturan agama serta menjadikan seolah-olah Islam agama yang ketat. Berikut adalah petikan ucapan tersebut:-

Pendekatan Islam Hadhari yang dipilih kerajaan juga ialah *wasatiyah*. Prinsip kesederhanaan ini bersesuaian dengan tuntutan Islam seperti “  
” dan “  
” iaitu tidak melampau dan tidak cuai. Kerajaan mengambil pendekatan ini dan sebaliknya menentang keras golongan “*pengetat agama*” dan juga golongan “*pelonggar agama*”. Kerajaan sentiasa memantau pergerakan golongan-golongan yang cuba mempermain-mainkan isu agama.

(Abdullah Bin Md Zin, 2005)

Kajian mendapati bahawa salah satu sebab pencetusan pendekatan Islam Hadhari adalah merupakan satu pendekatan kerajaan yang dicetuskan bagi menangani dan membasmi perkembangan fanatikism, ekstremism serta radikalism pemikiran bagi mengelakkan aktiviti yang mampu menjurus ke arah keganasan. Sekaligus, kajian juga mendapati bahawa pencetusan pendekatan Islam Hadhari ini juga dilihat sebagai salah satu pendekatan politik kerajaan bagi membolehkan kestabilan negara dicapai menerusi

perpaduan dan sokongan rakyat terhadap pemerintah. Pendekatan Islam Hadhari juga menekankan mengenai pembangunan dan pembinaan ketamadunan yang diperlukan bagi membina negara Islam yang unggul.

Pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu pendekatan yang murni sebagai satu model dan pendekatan perubahan serta pembaharuan dunia Islam yang ‘[d]alam keadaan imej umat Muslim dan agama mereka tercemar dengan teruk kerana angkara puak-puak pelampau dan pegganas agama di kalangan orang Muslim’ (Utusan Online, 11 Disember 2005). Islam Hadhari juga menurut Haji Hakim Ahmad, Pegawai Khas kepada Penasihat Agama Perdana Menteri menyatakan bahawa ianya adalah satu pendekatan mengurus serta menolak ekstreme, ini menjadikan Islam Hadhari satu pendekatan yang mengajak kepada konsep kesederhanaan dan kebaikan.

Rasional, eksterim tidak ke mana. Orang sederhanalah orang yang hebat. Orang yang sederhanalah hebat, eksterim tidak kemana. Pertama eksterim ini halangan terbatas, kedua ilmu dia untuk *group* dia sahaja. Katakanlah orang itu, orang itu sajala (ketawa). Kalau sederhana, dua boleh pakai. Islam, akidah tidak terjejas. Islam Hadhari bukan akidah kena ingat. Islam Hadhari ada dua komponen, akidah, syariah. Akidah tetap, sembahyang apa semua tetap, yang kita bincang sekarang ini ialah pengurusan hidup syariat dan Islam Hadhari salah satu pengurusan untuk dunia.

(Haji Hakim Ahmad, 19 Mac 2007)

Pandangan yang dikemukakan oleh Md.Shukri Shuib (2006:20) jelas menggambarkan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah satu mekanisme pengurusan seperti dinyatakan Haji Hakim Ahmad (19 Mac 2007) yang menggambarkan pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan mengurus, yakni mengurus sebuah negara agar tidak tercebur ke arah anarki fanatikism, ekstremism dan radikalism yang menjurus ke arah keganasan.

Justeru itu, Islam Hadhari digagaskan bagi memberikan imej yang lebih positif terhadap model pengurusan sesebuah negara Islam dan seterusnya, dengan pendekatan Islam Hadhari ini, ia sekaligus menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pendekatan tersendiri di dalam mengatasi isu fanatik dan keganasan global yang menjadi isu antarabangsa masa kini.

(Md. Shukri Shuib, Oktober 2006: 20)

Menurut Astora Jabat, Perdana Menteri sewaktu berucap pada pembukaan Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di Istana Al-Safa, Mekah, Perdana Menteri menyatakan bahawa ‘pendekatan Islam Hadhari merupakan satu pendekatan holistik bagi menangani masalah yang dihadapi dunia Islam dan ia merupakan pendekatan yang progresif yang menekankan pembangunan sebagai teras’ (Utusan Online, 11 Disember 2005).

Dapatan kajian turut di sokong sebagai satu pendekatan politik pemerintah dilihat menerusi pandangan Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas, di mana menurut beliau, pendekatan Islam Hadhari secara jelas adalah satu pendekatan politik dan bukan pendekatan agama secara tertutup (Berita Harian, 12 Februari 2007:7).

Islam Hadhari sebenarnya satu pendekatan politik. Pada pendapat saya, jika dilihat pada pelopor idea itu iaitu Perdana Menteri...

(Syed Ali Tawfik Al-Attas, Berita Harian, 12 Februari 2007:7)

Penegasan Syed Ali Tawfik Al-Attas di dalam temubualnya menerusi Berita Harian yang diterbitkan pada 12 Februari 2007 mengenai Islam Hadhari yang menyatakan bahawa pendekatan ini adalah satu pendekatan politik jelas sekali lagi dipertegaskan oleh beliau di dalam sesi temubual yang disiarkan Mingguan Malaysia pada 19 November 2006.

Islam Hadhari itu pendekatan politik semata-mata. Bukannya pendekatan agama, dan ini telah dijelaskan dengan terang oleh Perdana Menteri semasa parti pembangkan riuh dengan cercaan bahawa itu agama baru dan mazhab baru.

(Syed Ali Tawfik Al-Attas, *Mingguan Malaysia*, 19 November 2006 : 7)

Syed Ali Tawfik Al-Attas menegaskan bahawa pernyataan beliau bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan politik adalah berasaskan kepada pernyataan Perdana Menteri sewaktu menjelaskan mengenai Islam Hadhari yang dipraktikkan Malaysia sewaktu berucap di Persidangan Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Mekah pada 2005.

Beliau (Perdana Menteri) menjelaskan bahawa ini pendekatan siasah (politik) untuk Malaysia, dan ia boleh disebarluaskan terutamanya kepada negara-negara dunia ketiga. Ini kerana pendekatan Islam Hadhari merujuk kepada soal memahami dan menyelesaikan masalah-masalah masa kini menurut kerangka pandangan hidup Islam.

(Syed Ali Tawfik Al-Attas, *Mingguan Malaysia*, 19 November 2006 : 7)

Justeru, pendekatan Islam Hadhari menjadi satu pendekatan politik menurut Syed Ali Tawfik Al-Attas (2006:7) adalah berdasarkan kepada fakta bahawa idea tercetusnya pendekatan tersebut datangnya dari kepimpinan negara, iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Kerajaan juga bebas untuk mendefinisikan Islam Hadhari (Syed Ali Tawfik Al-Attas, *Berita Harian*, 12 Februari 2007:77).

Terpulang kepada kerajaan untuk mendefinisikan Islam Hadhari ini. Islam Hadhari adalah seperti sebuah peta. Jika peta itu tidak ditulis dengan jelas atau dalam bahasa yang sukar difahami, bagaimana kita jangkakan orang untuk memahaminya.

(Syed Ali Tawfik Al-Attas, *Berita Harian*, 12 Februari 2007:7)

Maka, atas alasan ini, Syed Ali Tawfik Al-Attas (2006:7) menyatakan bahawa 'Islam Hadhari bukan perkara lain tetapi satu pendekatan politik'. Bagi Syed Ali Tawfik Al-

Attas, pendekatan Islam Hadhari ‘tidak boleh menjadi pendekatan agama’. Ini kerana menurut beliau, ‘Islam adalah Islam’ dan ‘Tidak ada Islam liberal atau Islam moden berbanding Islam lama’ dan bagi Syed Ali Tawfik Al-Attas ‘Islam adalah satu realiti’ (Berita Harian, 12 Februari 2007:7). Bagi Syed Ali Tawfik Al-Attas juga, beliau berpandangan bahawa Islam itu bukanlah satu ajaran yang sempit. Syed Ali Tawfik Al-Attas juga menolak pendekatan yang menyempitkan takrifan Islam (Berita Harian, 12 Februari 2007:7).

Perdana Menteri melihat bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah merupakan satu agenda besar negara yang tidak boleh diperolok-olokkan bagi memastikan kejayaan pendekatan tersebut agar berjaya. Perdana Menteri secara tidak langsung mengaitkan bahawa pendekatan Islam Hadhari yang dicetuskan mampu membawa dimensi politik baru di persekitaran politik Malaysia. Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi memperlihatkan bahawa pendekatan Islam Hadhari ini mampu membina perpaduan masyarakat Islam tanpa mengira mazhab.

Umat Islam yang tidak sama mazhab mereka juga tidak akan berhadapan dengan masalah kerana pelaksanaan Islam Hadhari  
(Utusan Malaysia, 17 Mac 2007: 2)

Selain itu, Islam Hadhari yang dilihat sebagai sebahagian daripada pendekatan politik kerajaan semestinya tidak disenangi oleh sesetengah ahli politik yang berlainan pandangan dari pemerintah. Ini kerana menerusi pendekatan Islam Hadhari yang dijanakan kerajaan, isu fanatik dan keganasan agama telah dapat dibendung dari merebak di dalam persekitaran politik Malaysia, ini kerana menurut perspektif Datuk Seri Abdullah, ini berlaku disebabkan oleh kejayaan Malaysia untuk membina ‘imej Islam

yang progresif' dan 'dinamik', di mana menurut Perdana Menteri, pendekatan Islam Hadhari yang dijanakan kerajaan sebenarnya 'telah menimbulkan kebimbangan kepada kumpulan politik yang selama ini, menganggap Islam sebagai monopoli' (Utusan Malaysia, 22 Julai 2005 : 11).

Untuk itu, Perdana Menteri menyatakan bahawa sikap menentang pendekatan Islam Hadhari dikalangan ahli-ahli politik tertentu adalah disebabkan oleh ianya mampu mengubah sokongan rakyat terhadap mereka.

Mestilah siapa lagi (ahli-ahli politik tertentu), boleh jadi mereka tidak suka kerana ia tidak baik untuk politik mereka

(Utusan Malaysia, 17 Mac 2007: 2).

Justeru, Islam hadhari memberi gambaran bahawa pendekatan yang tercetus ini adalah merupakan satu kaedah atau instrument politik yang dijanakan kerajaan sebagai satu sebab untuk menangani ekstremism Islam di Malaysia.



#### **4.7 FAKTOR KEWUJUDAN FAHAMAN FANATIK MENJADI PENCETUS KEPADA PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Pembinaan Islam Hadhari sebagai agenda besar negara sudah tentu mempunyai matlamat dan kepentingan tertentu. Ini kerana, dalam mengimplementasi dasar sudah tentu memerlukan sebab dan mengapa dasar itu diwujudkan, maka inilah yang akan menjadi tumpuan kepada pengkajian ini.

Bagi memahami kajian ini, maka harus difahami bahawa tujuan kajian ini adalah bukan bagi mengkaji mengenai pendekatan Islam hadhari secara keseluruhannya, ia juga tidak melibatkan kajian ke atas keberkesanan pendekatan tersebut, tetapi kajian ini dan hasil kajiannya adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah sebab pendekatan Islam Hadhari ini tercetus, terutamanya sewaktu dunia Islam dan umatnya dilanda krisis persepsi salah seperti yang diutarakan Barat selepas pasca 11 September 2001.

Untuk itu, kajian ini dan hasilnya akan membincangkan mengenai salah satu punca tercetusnya gerakan bagi membina pendekatan Islam Hadhari oleh kepimpinan kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah salah satunya bertujuan membasmi fahaman ekstremism serta memulihkan semula imej Islam di persada antarabangsa yang dikatakan ekstreme, taksub, mundur serta bertindak ganas. Justeru pengkajian ini juga mengemukakan pandangan mengenai pendekatan Islam Hadhari samaada tersirat elemen politik atau tidak di dalam pelaksanaan pendekatan ini di persekitaran domestik dan juga antarabangsa.

Hujah ini secara jelas turut diperlihatkan oleh Datuk Seri Abdullah menerusi pernyataan yang dikeluarkan sewaktu berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 21 September 2006, menyatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari dicetuskan Malaysia adalah bagi memaparkan bahawa Islam tidak mendorong kepada keganasan dan mampu menolak ekstremism. Justeru Perdana Menteri menyatakan:-

Kerajaan yang saya pimpin hari ini telah melancarkan satu program untuk menyampaikan suatu pemahaman sebenar terhadap Islam sebagai kuasa kebaikan. Kami memanggilnya Islam Hadhari, yang sebenarnya adalah pendekatan bagi mencapai suatu masyarakat yang progresif yang bersesuaian dengan kemodenan tetapi kukuh dari segi asasnya pada nilai-nilai murni dan ajaran Islam.

(Utusan Malaysia, 22 September 2006: 1 dan 2)

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa secara keseluruhannya pendekatan Islam Hadhari yang telah dipersetujui oleh semua parti komponen Barisan Nasional sebagai satu daripada manifesto pilihanraya Barisan Nasional 2004 telah diterima secara umumnya oleh rakyat Malaysia.

Pendekatan ini telah diterima oleh setiap orang di Malaysia kerana asas keseluruhan imej Islam Hadhari ialah seruan bagi pembangunan saksama dan kemajuan. Ia merupakan ajakan kepada kesederhanaan dan toleransi dan juga jaminan bagi keadilan dan kewajaran bagi semua tanpa mengira agama mereka

(Utusan Malaysia, 22 September 2006: 1 dan 2)

Selain itu, selaku pencetus kepada pendekatan Islam Hadhari, Perdana Menteri juga menegaskan bahawa di dalam persekitaran politik Islam terutamanya di Malaysia, pendekatakan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang mengajak kepada kesederhanaan dan bersikap toleransi serta adil kepada semua rakyat tanpa mengira agama anutan mereka. Justeru, pernyataan Perdana Menteri sewaktu berucap di

Perhimpunan Agung PBB ke 61 di ibu pejabat PBB di New York, 22 September 2006 jelas secara penganalisaannya bahawa ianya adalah satu penegasan oleh kerajaan Malaysia bahawa negara ini begitu serius di dalam menolak ekstremism serta fanatikism di dalam persekitaran politik Malaysia yang majmuk sifatnya.

Pandangan Perdana Menteri sendiri begitu jelas menunjukkan bahawa, secara khususnya, bahawa pendekatan Islam Hadhari ini diperkenalkan adalah juga berasaskan kepada tujuan untuk membentaras fahaman ekstreme atau fanatik serta juga ianya sekaligus akan mampu menjana kestabilan negara serta di dapati bahawa secara jelas, kewujudan fahaman, pemikiran ekstreme yang mampu diterjemahkan kepada kegiatan subversif menjadi penyebab utama kepada pencetusan pendekatan Islam Hadhari bagi menangani permasalahan ini.

Secara politiknya, asas bagi pendekatan Islam Hadhari berobjektifkan situasi semasa negara, di mana pada masa kini, dengan pendekatan Islam Hadhari tersebut, parti pembangkang terutamanya PAS dilihat semakin kehilangan modal politik mereka yang selama ini dilihat menggunakan pendekatan merayu undi menerusi propaganda yang dikatakan menggunakan Islam sebagai 'alat' dalam kempen menarik sokongan dan simpati pengundi.

Kajian juga mendapati bahawa di dalam suasana politik semasa negara, model serta pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu model terpenting negara pada masa kini,

yang menerapkan elemen teologi Islam di dalam politik jelas memaparkan kepentingannya di dalam mengatasi ekstremism di Malaysia.

Hujah ini secara jelas disokong oleh pandangan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsudin yang bimbang dengan golongan ekstremis agama di negara ini yang mampu menimbulkan perpecahan kaum serta menggagalkan usaha pembangunan negara adalah merupakan perkara serius yang perlu di atasi oleh kerajaan (Mingguan Malaysia, 22 Oktober 2006).

Menurut Datuk Abdul Aziz Shamsudin juga, beliau berpandangan bahawa kewujudan golongan ekstremis agama bukan sahaja menyebabkan matlamat murni dalam sesebuah agama tidak tercapai tetapi lebih menakutkan ia boleh menimbulkan keadaan huru-hara dalam negara (Mingguan Malaysia 22 Oktober 2006). Penegasan tersebut dapat dilihat menerusi pernyataan beliau yang menyebutkan bahawa ‘golongan pencetus huru-hara adalah pembunuh kepada pembangunan yang sihat dalam sesebuah negara’ (Mingguan Malaysia, 22 Oktober 2006).

Pernyataan Datuk Abdul Aziz Shamsudin juga adalah bertepatan dengan penghujahan yang dikemukakan oleh Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 7) yang menyatakan bahawa jika kumpulan fanatik berleluasa, maka usaha memajukan negara dan menarik pelaburan serta pembangunan akan terjejas akibat dari berlakunya huru-hara di persekitaran politik Malaysia.

Dari sudut politik, penglibatan kumpulan-kumpulan fanatik ini akan menjejaskan imej negara di mata dunia. Para pelabur akan takut untuk datang melabur di Malaysia kerana dikhuatiri akan menjejaskan perniagaan mereka kesan daripada berlakunya kekacauan dan huru-hara.

(Mohd Nazri Mohd Amin, 2004: 7)

Mohd Nazri Mohd Amin (2004: 7) menyatakan bahawa asas utama perlunya pihak kerajaan membendung fahaman ekstreme dan radikal agar tidak mengganggu gugat kestabilan negara adalah bagi memelihara kedaulatan dan imej negara di persada antarabangsa. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Datuk Abdul Aziz Shamsudin yang menyatakan bahawa golongan ekstremis agama yang kini membabitkan golongan bijak pandai adalah ejen pemusnah perpaduan paling berbahaya serta menjadi ancaman kepada keutuhan ikatan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini (Mingguan Malaysia, 22 Oktober 2006).

Ekstremis agama yang telah dilihat berlaku di negara-negara lain menurut Datuk Abdul Aziz Shamsudin, jika ianya berlaku di Malaysia, maka ia boleh membantutkan pembangunan rakyat jika ia tidak ditangani mulai sekarang (Mingguan Malaysia, 22 Oktober 2006). Datuk Abdul Aziz Shamsudin menyatakan bahawa '[k]ita (kerajaan) bekerja keras membangunkan negara ini untuk ke tahap terbaik, tetapi bila ada perpecahan kaum, ia akan menimbulkan masalah besar' (Mingguan Malaysia, 22 Oktober 2006).

Menurut Datuk Abdul Aziz Shamsudin juga, sekiranya ekstremism agama dibiarkan berleluasa dan mendapat tempat di dalam persekitaran politik di Malaysia, maka ia akan menjejaskan segala perancangan pembangunan negara yang telah sekian lama diatur serta

di rancang. Perihal bahayanya ekstremism agama ini dapat diperlihatkan melalui pernyataan Datuk Abdul Aziz Shamsudin yang menyatakan ‘perkara yang paling menakutkan dan kebelakangan ini saya dapati mereka (ekstremis agama) akan menggunakan isu agama bagi mencapai matlamat mereka disebabkan ia paling dekat di hati manusia’ (Mingguan Malaysia, 22 Oktober 2006). Ancaman ekstremism dan sifat radikal di persekitaran politik jelas membimbangkan kerajaan, dan bagi membolehkan pembangunan negara berterusan tanpa gugatan ketidakstabilan, maka usaha dan pendekatan telah digerakkan kerajaan dalam pelbagai cara dan tindakan. Salah satu pendekatan yang digunakan adalah menerusi aplikasi Islam Hadhari yang menekankan perkembangan politik rasional, moderate dan progresif serta demokratik.

Fahaman ekstreme dan tindakan radikal serta ganas harus dibendung, untuk itu Malaysia yang merupakan negara Islam bertindak menghalang sebarang percubaan mencetuskan keganasan. Menurut bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Islam menentang keganasan.

Kita mengikut ajaran sebenar Islam. Ajaran sebenar Islam tidak menganjurkan pengikutnya melakukan pengeboman atau membunuh seseorang tanpa sebab-musabab.

(Utusan Malaysia, 15 September 2006: 9)

Justeru itu, kajian ke atas pembentukan rangka tindakan dalam usaha mengatasi masalah pemikiran umat Islam di Malaysia yang ada sesetengah golongan terpengaruh dengan pandangan dan corak bawaan Islam yang jumud, ekstreme dan melampau serta ganas adalah wajar dilakukan, maka di suasana politik masa kini pasca 11 September 2001, pendekatan Islam Hadhari ini membawa satu model baru sebagai agenda Kerajaan

Malaysia didalam sekurang-kurangnya meneutralkan masalah walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya. Perdana Menteri sewaktu menyampaikan ucapan kepada golongan intelek, cendekiawan dan diplomat Islam dari 13 negara OIC, beliau berkata bahawa sejak tragedi 11 September 2001, Islam dan umat Islam ditonjolkan sebagai ganas dan tidak bertoleransi (Bernama, 27 Januari 2005), justeru Perdana Menteri menyatakan bahawa:-

"Kita umat Islam belum dapat membebaskan diri daripada imej ini. Amalan memberikan gambaran sebegini hendaklah dihentikan". "Ianya tidak adil kepada satu agama yang bermaksud 'aman',"

(Bernama, 27 Januari 2005)

Pernyataan Menteri Luar sewaktu persidangan Dewan Rakyat pada 18 Julai 2005, jelas menunjukkan bahawa sebab utama Islam Hadhari digagaskan oleh kepimpinan negara adalah sebagai satu gagasan baru merubah persepsi Islam masa kini. Sebab utama gagasan Islam hadhari adalah wujudnya elemen atau peristiwa 'keganasan global' yang digambarkan Barat bahawa ianya dilakukan dan dicetuskan oleh kebangkitan Islam. Sekaligus, Islam Hadhari dengan pendekatan yang menolak elemen fanatik, ekstreme dan ganas adalah digagaskan akibat dari masalah ekstreme-ism atau fanatik-ism yang mencetuskan keganasan.

Justeru, menyedari bahawa fanatik dan ekstremism agama ini akan membawa kepada keganasan dan juga pepecahan serta paling teruk ialah mengakibatkan negara kucar-kacir dan memudahkan musuh luar untuk menguasai negara yang dilanda keganasan tersebut. Bukti yang mudah, seperti yang berlaku di Afghanistan dan Iraq, serta juga penguasaan secara politik tidak langsung ke atas negara-negara lain seperti yang berlaku ke atas

negara-negara Asia Tengah, dan di Timur Tengah. Malaysia begitu berjaga-jaga dan berusaha menangani masalah ini, sekaligus, menurut Wan Abdillah Ahmad (2004: 11), konsep Islam Hadhari ini amat sesuai untuk menjelaskan dan memperbetulkan salah faham umat terhadap Islam. Dato' Seri Abdullah juga jelas mengutuk aktiviti keganasan. Sewaktu berucap di Oxford Centre of Islamic Studies di Oxford University, beliau dengan tegas menyatakan:-

Gambaran Islam sebagai agama yang menyeru kepada peperangan dan umat Islam sebagai pengganas fanatik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab adalah cetek dan harus dihentikan.

(PEMIKIR, Bil 39& 40: 5)

Bagi menghentikan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan ketegangan dan sokongan terhadap Islam yang fanatik dan jumud, maka Perdana Menteri menyebutkan pendekatan beliau diperingkat antarabangsa, bahawa Malaysia sememangnya mempunyai cara tersendiri mengendalikan masalah apa yang di sebut oleh Amerika Syarikat sebagai '*war against terror*', Malaysia mempunyai jalan tersendiri.

Kami di Malaysia percaya bahawa dorongan untuk bertindak kerana agama boleh disalurkan ke arah kebaikan, ke arah kemajuan dan ke arah pembangunan. Kami menggelar pendekatan ini sebagai Islam Hadhari atau pendekatan terhadap sebuah tamadun Islam yang progresif. Pendekatan ini mahu menyedarkan umat Islam bahawa kemajuan dituntut oleh Islam. Pendekatan ini selaras dengan kemodenan, namun berkakar umbi dalam ajaran dan nialai-nilai Islam yang luhur.

(PEMIKIR, Bil 39& 40: 13)

Justeru, secara pembolehubahnya, dengan wujudnya fanatik dan ekstremism agama di Malaysia, maka Islam Hadhari digagaskan bagi sekurang-kurangnya dapat menangani masalah fanatik ini. Usaha membasmi gejala ekstremism dan fanatik agama di dalam



persekitaran politik Malaysia dilihat adalah bersesuaian dengan sikap kerajaan yang begitu berhati-hati bagi memastikan tahap keselamatan negara sentiasa terjamin.

Kajian ini melihat Islam Hadhari sebagai agenda kerajaan Malaysia yang dapat sekurang-kurangnya dapat menangani masalah kegiatan ekstremism Islam dalam persekitaran politik Malaysia. Kajian ini mengenalpasti bahawa wujudnya fahaman dan pemikitan ekstreme Islam di Malaysia memberikan impak kepada pencetusan pendekatan Islam Hadhari yang juga dilihat sebagai satu kaedah yang sekurang-kurangnya menerusi agenda Islam Hadhari ini, ianya dapat meneutralkan masalah ekstremism dalam politik Malaysia.

Kajian mendapati bahawa Islam Hadhari dinyatakan bahawa secara jelas hanya sebagai agenda Islam kerajaan, kerana sebenarnya ia telah dahulu lagi dilaksanakan dasar dan penerapan asas Islam dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia. Justeru, Islam Hadhari dilihat sebagai hanya agenda untuk meneutralkan keadaan walaupun tidak dapat mengatasi sepenuhnya masalah berkaitan dengan ekstremism Islam dalam pemikiran politik Melayu di Malaysia ini.

Dalam konteks ini, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan jelas beranggapan bahawa masalah yang dihadapi Islam dan negara Islam, terutamanya dalam konteks keselamatan dan perkiraan politik pemerintahan di Malaysia, ialah mencari kesesuaian kaedah bagi mewujudkan masyarakat Islam yang bebas dari tanggapan negatif Barat yang memprojeksi masyarakat ini sebagai ekstreme dan ganas.

Masalahnya sekarang ialah ada golongan tertentu yang telah “hijack” Islam dan telah menyalahgunakan nama Islam bagi memperjuangkan agenda ganas mereka. Sedangkan hakikatnya, kalau ganas, kejam dan tidak adil, sudah tentu ia bukan lagi “Islam”. Bukankah “Islam” itu datang nya dari kata dasar yang bermaksud “aman”? Bukan kah Islam menyeru ke arah kebaikan di dunia dan kebaikan di Akhirat? Apabila kumpulan tertentu memperjuangkan agenda mereka dengan keganasan dan melaungkan slogan Islam maka seluruh agama Islam terpalit dengan imej ganas itu

(Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007).

Pernyataan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) jelas menunjukkan bahawa dalam suasana politik bernegara di Malaysia serta di arena antarabangsa, wujud segolongan pihak dan ‘kumpulan kumpulan tertentu memperjuangkan agenda mereka dengan keganasan dan melaungkan slogan Islam’ (Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007). Disebabkan itulah menurut Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) Islam Hadhari yang merupakan pendekatan masa kini dalam aplikasi pemerintahan Islam di Malaysia cuba mengatasi masalah ekstreme dan politik melampau yang berselindung dibalik imej Islam.

Secara jelas, terdapat persafahaman di kalangan tokoh-tokoh politik, pentadbiran serta ahli akademik yang bersetuju menyatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari ini dicetuskan sebagai reaksi kepada cabaran bagi menangani permasalahan ekstremism serta fanatik yang tercetus ekoran pemikiran serta fahaman yang bersifat radikal di dalam persekitaran politik semasa sama ada di peringkat global atau nasional telah menyebabkan pendekatan Islam Hadhari ini dicetuskan (Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak, 2007; Tan Sri Abdul Hamid Othman, 19 Mac 2007; Datuk Othman Desa, 20 Mac 2007; Shamsuddin Munir, 19 Mac 2007; Hakim Ahmad, 19 Mac 2007).

Penegasan bahawa pendekatan Islam Hadhari tercetus, salah satu daripada sebabnya adalah bagi membina pendekatan untuk menangani ekstremism serta fanatikism dan radikalism di dalam persekitaran politik Malaysia jelas dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sewaktu menyampaikan ucapan di Persidangan Agung UMNO kali ke 56 pada 21 Julai 2005, menjelaskan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah sebagai respon kepada keadaan semasa, dimana wujud perbuatan ganas yang timbul atas asas fanatik atau ekstreme. Perdana Menteri menyebut bahawa '[a]tas nama Islam, mereka (golongan fanatik) sanggup melakukan perbuatan melampau yang ganas' (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15).

Justeru itu, pendekatan Islam Hadhari dicetuskan oleh Kerajaan Malaysia bagi menangani permasalahan tersebut, Perdana Menteri menyatakan bahawa '[k]ita (kerajaan) bertanggungjawab memastikan agar budaya ekstremisme dan tindakan ganas menggunakan nama dan lambang Islam sama sekali tidak berlaku di negara ini', dan 'kerana itulah kita perkenalkan pendekatan Islam Hadhari' (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15).

Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2007) juga menyokong matlamat yang dikemukakan oleh Perdana Menteri yang menyatakan bahawa Islam Hadhari ini merupakan satu pendekatan kerajaan bagi membendung dan mengatasi elemen ekstreme di dalam persekitaran politik Malaysia dan beliau begitu yakin bahawa Islam Hadhari mampu memberikan imej yang baik kepada negara dan umat Islam. Datuk Seri Mohd

Najib Tun Abdul Razak (2007) juga menyatakan bahawa dalam konteks politik di Malaysia ‘secara keseluruhannya umat Islam tidak begitu terpengaruh dengan pendekatan ekstremisme’. Walaupun begitu, elemen ekstreme ini sememangnya wujud dalam persekitaran geo-politik negara, ‘tetapi tidaklah terlalu menular’ (Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2007).

Pandangan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Najib turut sama di sokong oleh pandangan Tan Sri Abdul Hamid Othman yang merupakan Penasihat Agama Islam kepada Y.A.B Perdana Menteri yang merupakan di antara pemikir terawal Malaysia yang mencadangkan pendekatan Islam Hadhari sejak dari era kepimpinan Tun Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri.

Ianya bertepatan dengan pandangan Tan Sri Abdul Hamid Othman yang menyatakan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah merupakan satu pendekatan bagi membendung dan mengatasi elemen ekstreme dalam politik di Malaysia ini (19 Mac 2007). Tan Sri Abdul Hamid (19 Mac 2007), menyatakan bahawa mengatasi ekstreme dalam politik itu adalah ‘salah satu aspek’ penyebab kepada pencetusan Islam Hadhari (19 Mac 2007).

Perdana Menteri sewaktu menyampaikan ucapan dasar Presiden bertajuk ‘Kata Dikota’ pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menyatakan bahawa beliau menentang keras sifat konservatif dan radikal. Perdana Menteri menolak pandangan yang bersifat konservatif atau radikal yang dilihat cuba

diperluaskan menerusi isu-isu yang berkaitan Islam ekoran salah faham Islam di kalangan masyarakat (Utusan Malaysia, 16 November 2006: Muka hadapan).

Menurut Perdana Menteri, Islam Hadhari adalah satu falsafah penting yang harus dijadikan sebagai pendekatan untuk umat Islam mencapai kejayaan (Utusan Malaysia, 16 November 2006: Muka hadapan). Justeru, Perdana Menteri mengingatkan bahawa pendekatan Islam Hadhari yang digagaskan kerajaan bukanlah bersifat ‘konsevatif’ serta juga bukanlah ‘membenarkan cara hidup yang terlalu bebas dan permisif’ (Utusan Malaysia, 16 November 2006: Muka hadapan). Namun, Perdana Menteri melahirkan kekecewaan yang mana beliau menyatakan bahawa ‘[m]alangnya sesetengah golongan menyalahertikan Islam Hadhari sebagai alasan untuk menjadi lebih konservatif dan lebih radikal (Utusan Malaysia, 16 November 2006: Muka hadapan).

Perdana Menteri juga menekankan mengenai betapa perlunya umat Islam untuk bersikap terbuka dan toleran serta tidak menjadi ultrakonservatif. Islam Hadhari menolak sikap ekstreme seperti ini.

“Apakah kita sudah sampai ke tahap tidak toleran seperti ini? Rumah terbuka yang dikongsi antara kaum turut dikutuk. Bilakah kita menjadi ultrakonservatif?” soal Abdullah. Tegas beliau: “Ini bukan Islam Hadhari.”

(Utusan Malaysia, 16 November 2006: Muka hadapan).

Dato’ Othman Desa (20 Mac 2007) menegaskan bahawa pendekatan Islam Hadhari dicetuskan kerajaan adalah supaya Islam tidak dianggap pengganas seperti yang dikemukakan oleh Barat.

...kita hendakkan supaya orang bukan Islam ini melihat umat Islam bukan *terrorist* (pengganas), dari perspektif yang sebenarnya. Itu di antara tujuan-tujuan utama, saya boleh katakan itulah, saya fikirkan,...kerajaan menggagaskan atau memperkenalkan Islam Hadhari ini.

(Dato' Othman Desa, 20 Mac 2007)

Dato Othman Desa menegaskan bahawa Islam melarang keganasan dan untuk itu, pendekatan Islam Hadhari tercetus bagi menangani ekstremism dan fanatikism di dalam persekitaran politik Malaysia.

Jadi Islam ini sebenarnya adalah satu cara hidup, peraturan yang cukup baik di dunia dan di akhirat yang menyuruh umatnya bersatu-padu, kerja-kuat, maju, bantu-membantu, menolak sebarang kerja-kerja yang tidak menguntungkan, termasuk, Islam juga melarang melakukan kejahatan, membuat perkara-perkara yang merosakkan, mengganas dan sebagainya.....itu Islam tolak.

(Dato' Othman Desa, 20 Mac 2007)

Secara jelas diperkatakan oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Malaysia, pendekatan politik yang bersifat ekstremism dan fanatikism adalah ditolak oleh kerajaan serta perlu mendapat dokongan rakyat. Dato' Othman Desa menyatakan bahawa elemen 'ekstreme di kalangan politik Malaysia ini, kita sebenarnya kena ingat kita tidak boleh bersikap ekstrem dalam erti kata keterlaluan' (Dato' Othman Desa, 20 Mac 2007). Ini kerana Malaysia adalah negara majmuk yang mempunyai kepelbagaian bangsa, ras serta agama dan budaya. Maka jika sifat ekstreme menular, maka kestabilan negara tidak akan tercapai (Dato' Othman Desa, 20 Mac 2007).

Jadi, kalau sebarang bentuk keterlaluan atau ekstrem, memang kerajaan kita tak terima, kerana ianya akan merosakkan negara yang akhirnya akan merosakkan perkembangan Islam itu sendiri. Matlamat tidak akan tercapai (Dato' Othman Desa, 20 Mac 2007)

Dato' Othman Desa juga menegaskan bahawa wujud pelbagai sebab pendekatan Islam Hadhari ini dijanakan pemerintah. Di antaranya adalah bagi menangani dan membentaras fahaman ekstreme dan radikal di Malaysia.

**Pengkaji** : Adakah apa yang diusahakan oleh Perdana Menteri kita sekarang, Islam Hadhari itu, hendak menolak kegiatan ekstrem ini?.

**Dato' Othman Desa** : Yes, betul....

(Dato' Othman Desa, 20 Mac 2007)


Pandangan Datuk Seri Najib dan Tan Sri Abdul Hamid Othman serta Dato' Othman Desa juga turut dipersetujui oleh Datuk Seri Syed Hamid Albar yang merupakan Menteri Luar Malaysia. Menurut Datuk Seri Syed Hamid Albar, Islam Hadhari membolehkan negara-negara Islam dan bukan Islam untuk saling berinteraksi dengan lebih baik, di mana pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan penting bagi memulihkan imej Islam yang diprojeksi sebagai ganas dan ekstreme oleh Barat (New Straits Times, 19 Julai 2005: 19).

*Islam Hadhari will enable Islamic and non-Islamic countries to communicate better. It is important to correct the image of Muslims, who are now being linked to murder and acts of terror.*

(New Straits Times, 19 Julai 2005: 19)

Pernyataan Menteri Luar tersebut semestinya menunjukkan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang dilakukan kerajaan Malaysia sebagai model bagi membasmi ekstremism serta kefanatikan di dalam persekitaran politik Malaysia dan negara-negara di dunia Islam lainnya.

## 4.8 HIPOTESIS KAJIAN



**Rajah :** Hipotesis Islam Hadhari di dalam menangani fanatik-ism atau ekstremism agama dalam persekitaran politik di Malaysia.



# **BAB 5**

# **KESIMPULAN**

## BAB 5 KESIMPULAN

Bab ini akan memperlihatkan rumusan yang memuatkan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku tokoh dan pemimpin negara yang mencetuskan pendekatan Islam Hadhari. Selain itu, bab ini juga mengandungi pandangan tokoh-tokoh terkemuka mengenai hubungkait kewujudan fahaman ekstreme dalam politik Malaysia yang menjadi penyebab kepada gagasan Islam Hadhari. Ia juga memuatkan kesimpulan yang didapati oleh pengkaji mengenai hubungkait pencetusan Islam Hadhari sebagai reaksi kepada kewujudan fahaman fanatik dalam persekitaran politik Malaysia.

Kajian mendapati bahawa pendekatan Islam Hadhari yang dicetuskan oleh kepimpinan Perdana Menteri kelima ini jelas bertujuan bagi mengekang fahaman ekstreme dan kegiatan radikal agar tidak menular ke kancah keganasan jelas dinyatakan Syed Ali Tawfik Al-Attas. Menurut Syed Ali Tawfik Al-Attas (*Mingguan Malaysia*, 19 November 2006 : 7), Islam Hadhari bukanlah punca kepada radikalisme dan liberalism, yang berlaku adalah hanya ketidakfahaman yang jelas mengenai ajaran Islam dikalangan penganutnya. Secara jelasnya, pencetusan pendekatan Islam Hadhari adalah juga disebabkan oleh wujudnya pendekatan politik yang ekstreme serta kewujudan fahaman serta pemikiran ekstreme dalam kancah politik Islam di Malaysia. Menurut Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) secara jelas, pendekatan Islam Hadhari mengekang fahaman ekstreme dari menular dikalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Radikalisme dan liberalisme berlaku bukan kerana salah tafsir Islam Hadhari tetapi penyempitan fikiran umat Islam dalam pandangan hidup Islam dan terhadap agama Islam itu sendiri.

(Syed Ali Tawfik Al-Attas, *Mingguan Malaysia*, 19 November 2006 : 7)

Selain itu, secara jelas, dapatan kajian ini dinyatakan sendiri oleh pernyataan yang dibuat oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang juga menyatakan bahawa menerusi pendekatan Islam Hadhari, ianya juga ‘tidak akan menimbulkan konflik antara Islam dan bukan Islam’, di mana Perdana Menteri menyatakan bahawa ianya ‘akan membantu membawa kemajuan ummah dan negara’ (Utusan Malaysia, 17 Mac 2007: 2). Selain itu Islam Hadhari dilihat telah diterima baik oleh semua kaum di negara ini dan masyarakat antarabangsa (Utusan Malaysia, 17 Mac 2007: 2). Ini kerana menurut Perdana Menteri, para pemimpin Barisan Nasional yang kini menerajui kepimpinan Malaysia mahu memastikan kejayaan Islam Hadhari dan juga mahu memastikan Islam Hadhari tidak menimbulkan masalah seperti konflik agama serta menghalang kebebasan beragama (Utusan Malaysia, 17 Mac 2007: 2).

Penegasan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan politik kerajaan bagi menangani fanatik agama di persekitaran politik Malaysia adalah diakui oleh Perdana Menteri ketika menyertai sesi yang perbincangan bertajuk ‘Tata Bagi Kejiranan Global Dalam Dunia Pelbagai Budaya’ sewaktu Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland. Perdana Menteri juga menyatakan bahawa ‘semangat Islam Hadhari juga wujud dalam setiap agama, budaya dan falsafah’ (Utusan Malaysia, 26 Januari 2007: 2). ‘semangat Islam Hadhari’ adalah bagi mewujudkan toleransi, persefahaman, kesederhanaan serta perdamaian, dan yang paling utama ianya adalah satu pendekatan ke arah menjana dunia berasaskan kepada konsep kebebasan dan keadilan, dan sekaligus menolak ketidaksaksamaan, penindasan, ekstremisme dan kekerasan (Utusan Malaysia, 26 Januari 2007: 2).

Ia adalah semangat yang menggalakkan toleransi dan persefahaman, kesederhanaan dan perdamaian, serta juga kebebasan dan keadilan untuk semua. Ia juga adalah semangat yang menolak ketidaksaksamaan, penindasan, ekstremisme dan kekerasan.

(Utusan Malaysia, 26 Januari 2007: 2).

Secara jelas, penegasan bahawa pendekatan Islam Hadhari dicetuskan adalah bagi membendung fahaman ekstreme dipertegaskan oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di mana beliau menyatakan dengan jelas bahawa ‘Islam Hadhari memberi keutamaan kepada pembangunan membina peradaban’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15), dan dalam pada masa yang sama Perdana Menteri juga menekankan bahawa Islam Hadhari sebenarnya adalah respon kepada keadaan semasa, dimana wujud perbuatan ganas yang timbul atas asas fanatik atau ekstreme dipersekitaran politik nasional dan juga antarabangsa.

Perdana Menteri secara jelas menyebut bahawa ‘[a]tas nama Islam, mereka (golongan fanatik) sanggup melakukan perbuatan melampau yang ganas’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15), dan ini sekaligus mencemarkan kesucian Islam dan menjejaskan imej masyarakat dan dunia Islam. Berdasarkan kepada pengamatan semasa, maka Perdana Menteri dan kepimpinan kerajaan Malaysia membina kerangka pendekatan sebagai respon kepada keadaan semasa yang menyatakan Islam itu ekstreme dan ganas. Justeru, pendekatan Islam Hadhari tercetus adalah bertujuan bagi menghalang perkembangan budaya ekstreme dan tindakan ganas dengan menggunakan nama Islam. Perdana Menteri menyatakan bahawa ‘[k]ita (kerajaan) bertanggungjawab memastikan agar budaya ekstremisme dan tindakan ganas menggunakan nama dan lambang Islam sama sekali

tidak berlaku di negara ini’, dan ‘kerana itulah kita perkenalkan pendekatan Islam Hadhari’ (Berita Harian, 21 Julai 2005: 15).

Tindakan kerajaan Malaysia untuk bertindak membina kekuatan ummah menerusi pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu *Ijtihad* semasa pentadbiran negara Islam, di mana Islam diperkukuhkan menerusi kebijaksanaan pemikiran serta tidak ekstreme dan radikal. Ini adalah satu sikap yang menunjukkan bahawa proses Islamisasi di Malaysia adalah bersifat moderate dan tidak ekstreme. Dr. Muqtedar Khan, iaitu Pengarah Pengkajian Antarabangsa di Adrian College serta juga merupakan ahli pengkaji sains sosial di *Center for the Study of Islam and Democracy*, menyatakan bahawa moderate Islam sentiasa bercirikan pemikiran yang rasional di dalam menjana pengukuhan Islam, dan inilah yang dilakukan kepimpinan Malaysia, Dr. Muqtedar Khan menyatakan pandangannya seperti berikut:-

*For moderate Muslims, Ijtihad is a way of life, which simultaneously allows Islam to reign supreme in the heart and the mind to experience unfettered freedom of thought. A moderate Muslim is therefore one who cherishes freedom of thought while recognizing the existential necessity of faith. She aspires for change, but through the power of mind and not through planting mines.*

(Dr. Muqtedar Khan,

Sumber: <http://www.islamfortoday.com/khan08.htm>, capaian pada 17 April 2007)

Pandangan Dr. Muqtedar Khan juga turut dinyatakan oleh Sheikh-ul-Islam Talghat Tajuddin (2001) yang menegaskan bahawa sikap umat Islam yang moderate akan membantu di dalam membina masyarakat yang cemerlang dan terbaik. Sheikh-ul-Islam Talghat Tajuddin (2001) selaku Mufti Besar bagi Rusia dan negara-negara bekas

Kesatuan Soviet, beliau melahirkan pemikirannya yang mahu melihat pembinaan sebuah masyarakat Islam yang unggul berasaskan kepada fahaman yang moderate.

*Moderate Muslims aspire for a society – a city of virtue -- that will treat all people with dignity and respect. There will be no room for political or normative intimidation. Individuals will aspire to live an ethical life because they recognize its desirability. Communities will compete in doing good and politics will seek to encourage good and forbid evil. They believe that the internalization of the message of Islam can bring about the social transformation necessary for the establishment of the virtuous city. The only arena in which Moderate Muslims permit excess is in idealism.*

(Talghat Tajuddin,

(Sumber: <http://www.islamfortoday.com/tajuddin01.htm>, capaian pada 17 April 2007))

Melalui cetusan pendekatan Islam, ianya diharapkan mampu membentuk satu persepsi baru bagi dunia Islam, di mana pernyataan yang mengaitkan Islam dengan keganasan, malas bekerja serta rasuah mampu dibendung. Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry (2005: 245) menghujahkan Islam dengan keadaan yang buruk, walaupun ianya dikaitkan dengan keadaan di Asia Barat, namun ianya mencemarkan imej Islam secara keseluruhannya, Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry (2005: 245) merumuskan 'Islamism', yang berkemungkinan membawa konotasi ekstreme bagi Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry, maka andaian seperti yang dirumuskan Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry (2005) mengenai 'Islamism' adalah ringkasan seperti formula berikut:-

**Islam + imperialism + unemployment + corruption = Islamism**

Menurut Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry (2005: 245), *'[a] Muslim country that has tasted Western imperialism and has many unemployed and a corrupt government will*

*likely develop a fundamentalist movement*'. Justeru, bagi mengatasi andaian tersebut, maka pendekatan Islam Hadhari yang dijanakan Malaysia memperlihatkan keprihatinan kerajaan bagi membina keupayaan ekonomi yang kukuh, bagi mengelakkan dan mengurangkan kemiskinan serta masa kini, agenda memerangi rasuah begitu menjadi keutamaan kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Tindakan bagi menyediakan pembangunan rakyat dilihat mampu menyekat pengaruh ekstreme dari menular, dan langkah menyediakan pembangunan mampu mewujudkan kestabilan negara. Pandangan yang diutarakan oleh Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry (2005: 245) jelas menyatakan bahawa kegagalan kerajaan untuk menyediakan suasana yang telus dan tidak rasuah serta pula gagal mengurus ekonomi dan pembangunan di negara-negara Islam akan menyebabkan perkembangan gerakan ekstreme disesebuah negara.

*Unemployment or underemployed young men are often drawn to extremist politics. The ruling elites' vast corruption demonstrates to the poor masses that the government is illegitimate. Islamist preaching takes full advantage of this. The long-term solution is to get these countries modern, with growing economies, jobs, education, small families, and clean government.*

(Michael G. Roskin dan Nicholas O. Berry, 2005: 245).

Bagi Malaysia, pendekatan Islam Hadhari adalah satu pendekatan bagi membina elemen-elemen kesederhanaan, dan ini menerusi pendekatan Islam Hadhari adalah jelas bermatlamatkan untuk memberi penekanan kepada perkembangan 'nilai-nilai murni dan ajaran Islam untuk membina satu masyarakat Islam yang progresif' (Bernama, 27 Januari 2005).

Menurut Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, menerusi pendekatan Islam Hadhari yang bersifat sederhana dan menentang ekstremism maka '[i]a telah melindungi kita daripada ketaksuban dan kebencian. Ia telah membolehkan kita mengamalkan ajaran sebenar agama kita' (Bernama, 27 Januari 2005). Demi mengembalikan semula imej Islam yang tercemar akibat ekstremism dan keganasan, maka Perdana Menteri menyatakan bahawa:-

Kita bertanggungjawab untuk membuktikan baik secara lisan mahupun tindakan, bahawa sebuah negara Islam boleh menjadi moden, demokratik, bertoleransi dan berdaya saing di bidang ekonomi.

(Bernama, 27 Januari 2005).

Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi juga turut menyatakan pandangan beliau bahawa beliau 'berpegang kuat kepada hakikat bahawa perbuatan radikal dan melampau dapat disekat dan diatasi menerusi tadbir urus yang baik' (Bernama, 27 Januari 2005), serta 'amalan demokrasi yang sihat dan membekalkan rakyat dengan pendidikan dan pertumbuhan ekonomi yang seimbang' (Bernama, 27 Januari 2005).

Perdana Menteri menegaskan bahawa usaha Malaysia untuk menggalakkan ciri-ciri kesederhanaan yang menjadi imej Islam, baik sebagai satu agama dan sebagai cara hidup akan dapat 'mengekan ekstremisme dan kesan buruknya' (Bernama, 27 Januari 2005).

Perdana Menteri menyatakan bahawa:-

Islam Hadhari memberi penekanan kepada toleransi dan persefahaman, kesederhanaan serta keamanan. Ia merupakan penawar terbaik kepada kegiatan ekstremisme dan militan.

(Bernama, 27 Januari 2005)



Justeru, dapat dikenal pasti bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah merupakan satu pendekatan holistik dan moderate kerajaan yang merangkumi sifat-sifat politik serta pembangunan dan juga merupakan ‘cara halus’ kerajaan Malaysia bagi membendung kegiatan bersifat ekstreme, subversif, radikal yang mampu mencetuskan keganasan.

Pendekatan ini adalah pendekatan universal dan bersifat sejagat. Islam Hadhari adalah merupakan satu pendekatan holistik kerajaan bagi mengembalikan semula ketamadunan Islam yang bersifat moden serta progresif. Pendekatan Islam Hadhari adalah alternatif kepada cara membasmi keganasan yang dijalankan oleh Barat. Ianya adalah satu pendekatan alternatif memerangi masalah ekstreme pemikiran yang mampu menyekat dari berlakunya kegiatan keganasan terutamanya di kalangan umat Islam. Pendekatan Islam Hadhari mampu menjernihkan semula politik Islam yang adakalanya terikat dengan fahaman ekstreme dan radikal. Islam Hadhari jelas wujud salah satunya adalah berpunca daripada kewujudan fahaman serta pemikiran ekstreme di kalangan masyarakat pada persekitaran politik semasa negara. Justeru, pendekatan Islam Hadhari ini wujud sebagai reaksi kepada kewujudan fahaman ekstreme tersebut, serta ianya juga menerupakan satu pendekatan yang dikemukakan kerajaan Malaysia sebagai satu kaedah bagi membentuk persepsi baru politik pemerintah di Malaysia, selain dari membina usaha bagi memahami dan menangani serta membenteras fahaman ekstremism ini dari menular ke arah keganasan.

Melalui kajian yang dilakukan ini, secara jelas, pengkaji memahami bahawa wujud perkaitan di antara kewujudan masalah ekstremism Islam di persekitaran politik Malaysia

dengan pencetusan pendekatan Islam Hadhari. Hasil kajian memperincikan bahawa wujud perkaitan rapat di antara kejadian-kejadian fanatik serta juga peristiwa 11 September 2001 yang menyebabkan pendekatan Islam Hadhari ini dicetuskan kepimpinan negara bagi memberikan imej yang positif terhadap Islam dan juga politik Islam di persekitaran domestik dan antarabangsa. Pengkaji juga mendapati bahawa pendekatan Islam Hadhari ini adalah merupakan satu bentuk pendekatan politik di dalam pemerintahan bagi membentuk satu persepsi baru terhadap proses Islamisasi yang dijalankan kerajaan di Malaysia. Pengkajian menumpukan kepada perolehan data yang bersifat memahami punca kepada sesuatu cetusan dasar dan pendekatan kerajaan, maka atas sebab tersebut, maka perolehan data hanya berkisar kepada aktor-aktor yang dilihat mempunyai hubungan rapat di dalam pencetusan idea tersebut.

---

<sup>i</sup> Rujuk manifesto Barisan Nasional halaman 3.

<sup>ii</sup> Perdana Menteri sewaktu berucap di Oxford Centre of Islamic Studies di Oxford University. PEMIKIR, Bil 39& 40 : 5.

<sup>iii</sup> Ibid: 13.

## HIPOTESIS KAJIAN

**Rajah :** Hipotesis Islam Hadhari di dalam menangani fanatik-ism atau ekstremism agama dalam persekitaran politik di Malaysia.

